

BAB

4

PENJAJA DAN PENJAJAAN DI KUALA LUMPUR

1 Pengenalan

Pertumbuhan bandar yang pesat di Malaysia, adalah suatu fenomena yang berlaku selaras dengan dasar-dasar pembangunan negara, yang dilancarkan oleh pemerintah negara ini. Misalnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang lancarkan pada tahun 1971, adalah salah satu dasar pembangunan negara di Malaysia yang dikatakan telah memberi implikasi kepada berlakunya proses pembandaran yang mendadak di negara ini (lihat Katiman Rostam, 1983, 1985; Sulong Mohamad dan Rahimah Abd. Aziz, 1985 dan Mohd Razali Agus, 1984). Mengikut Hauser (1965), bandar telah berkembang dengan pesat berdasarkan limpat angkubah perkembangan, iaitu peningkatan penduduk, pembentukan organisasi sosial yang baru, peningkatan kawalan terhadap persekitaran dan membaikkan teknologi. Sebagaimana juga bandar-bandar lain di Dunia Ketiga, bandar raya Kuala Lumpur telah dan sedang mengalami proses pembandaran yang pesat terutamanya mulai awal tahun-tahun 1970-an.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971, bertujuan untuk mencapai matlamat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat daripada pengenalan fungsi-fungsi ekonomi (Rancangan Malaysia Ke 2:1). Dasar Ekonomi Baru juga menggalakkan penyertaan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan

rdagangan, supaya dapat diwujudkan sebuah komuniti Melayu bandar yang an menguasai sekurang-kurangnya 30 peratus kegiatan ekonomi bandar. Ituk mempastikan pencapaian DEB, penduduk Melayu yang tinggal di desa jalakkan berhijrah ke bandar, supaya mereka meneroka ekonomi bandar dan kaligus mereka dapat memperbaiki taraf kehidupan dan menikmati segala mudahan di bandar (Chamhuri Siwar, 1991; Mohd Razali Agus, 1992; Yaacob arun, 1993).

Sebagai menyahut seruan kerajaan di bawah DEB ini, maka penghijrahan ramai-ramai penduduk desa ke bandar-bandar utama berlaku dengan mendadak sekitar tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Malah aliran penghijrahan masih berterusan sehingga kini. Bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan ibu negara Malaysia menjadi tempat tumpuan para penghijrah dari desa untuk meneroka peluang-peluang ekonomi bandar. Mereka menaruh harapan melalui menglibatan diri dalam kegiatan ekonomi bandar lebih menguntungkan dan dapat juga mengubah keadaan sosioekonomi mereka yang sekian lama berada dalam ancamah kemiskinan. Dalam konteks Malaysia, pertumpuan penduduk di bandar-bandar besar adalah fenomena baru (Sulong Mohamad, 1985). Maka ramai pengkaji bandar mengakui bahawa penghuni-penghuni bandar, menjalankan satu kehidupan yang tersendiri yang dinamakan "kehidupan bandar" (Sulong Mohamad, 1985: 34). Hakikat ini juga diakui oleh Wirth (1938) dengan menyatakan "urbanisme" sebagai satu cara kehidupan. Dengan ini, jelaslah bahawa pembandaran telah mengubah cara kehidupan masyarakat semata-mata untuk menyesuaikan dengan kehendak kehidupan bandar itu sendiri

'aacob Harun, 1991). Perubahan ini meliputi pelbagai aspek seperti pekerjaan, saiz keluarga, perumahan dan sebagainya.

Bandar-bandar utama di Malaysia yang menjadi tumpuan para penghijrahlah seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kelang, Ipoh, Taiping, Georgetown, Seremban, Johor Bharu, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu (Sulong Iohamad, 1985; Katiman Roslam, 1985). Di kalangan bandar-bandar ini, pertumbuhan bandar raya Kuala Lumpur adalah lebih pesat daripada bandar-bandar lain kerana ianya menjadi tempat tumpuan utama para penghijrah. Antara tahun-tahun 1970-an hingga tahun 1980, kira-kira 2.4 juta penduduk Semenanjung Malaysia telah berhijrah dan dua pertiga terdiri daripada kaum Melayu dan jumlah penghijrah wanita hampir sama dengan lelaki (Ozay; 1987: 31).

Di Malaysia, pembandaran melibatkan perubahan pekerjaan dari kegiatan pertanian kepada jenis pekerjaan lain yang mempunyai daya pengeluaran yang sama rendah (Hamzah Sendut, 1962; 1965). Kenyataan ini terlalu umum dan tidak dapat diterima oleh sesetengah pengkaji kerana ada bukti-bukti bahawa sebilangan migran desa bandar yang berjaya memasuki lapangan pekerjaan yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi, serta memperolehi pendapatan yang lumayan dan sekaligus dapat mengubah keadaan sosioekonomi mereka ke tahap yang lebih baik. Walau apapun, masyarakat bandar di Malaysia sebagaimana juga negara-negara membangun yang lain, tidak lagi terlibat di dalam sektor pertanian, tetapi melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi bandar sama ada di sektor formal ataupun di sektor informal.

Di negara-negara membangun, sektor informal dikaitkan dengan golongan berpendapatan rendah dan miskin (lihat McGee dan Yeung, 1977; Samad Hadi, 1985, Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj.Idris, 1996). Di Malaysia, migran desa andar ke bandar raya Kuala Lumpur tidak semua bekerja di sektor formal kerana halangan-halangan tertentu, terutamanya taraf pelajaran dan kemahiran. mereka yang gagal memperolehi pekerjaan di sektor formal, terpaksa menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi di sektor informal untuk membolehkan mereka terus menetap di bandar raya ini. Di antara aktiviti ekonomi informal yang banyak diceburi oleh penduduk Kuala Lumpur ialah sebagai penjaja. Mereka menjalankan kegiatan penjajaan sebagai punca mencari nafkah, untuk perbelanjaan keluarga.

Aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur dilihat oleh pelbagai pihak dari pelbagai perspektif, baik perspektif positif ataupun negatif. Berbagai-bagai anggapan dan andaian umum dilemparkan kepada para penjaja, namun menjaja adalah sebahagian daripada kegiatan penduduk Kuala Lumpur memperolehi pendapatan. Sehingga kini, belum ada kajian lengkap dibuat terhadap aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur, cuma beberapa aspek tertentu dengan maklumat yang sudah tidak terkini lagi. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji akan cuba mengupas kegiatan penjajaan di Kuala Lumpur, untuk difahami secara lebih mendalam lagi akan keterlibatan mereka dalam kegiatan ekonomi sektor informal ini. Untuk itu, dalam bab ini pengkaji akan memaparkan data-data dan maklumat mengenai aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur hasil daripada penyelidikan, kerja-

erja lapangan dan pengalaman pengkaji¹ sendiri selaku pegawai yang diberi tanggungjawab dalam mengendalikan urusan hal-ehwal penjaja di Kuala Lumpur. Peranan dan tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga akan disentuh kerana agensi inilah yang mengawal kegiatan penjaja dan aktiviti menjajaan di Kuala Lumpur.

4.2 Peranan Dan Tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dalam Kegiatan Menjaja


Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah salah sebuah Kerajaan Tempatan dengan mendukung Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 (semakan 1977) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Sebagai sebuah penguasa tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memikul tanggungjawab mengawal, membekal dan menyediakan berbagai-bagai bentuk kemudahan, bagi memenuhi keperluan dan tuntutan warga kota Kuala Lumpur, sama ada dalam bentuk fizikal atau sebaliknya. Maka dengan ini, wujudlah beberapa jabatan (bahagian) dalam organisasi DBKL yang masing-masing mempunyai peranan serta tanggungjawab tersendiri dalam aspek-aspek tertentu dengan tenaga kerja berjumlah lebih kurang 10,000 orang pada tahun 1998². Lihat Gambarajah 4.1 iaitu carta organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

-
1. Pengkaji adalah kakitangan Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan diberi tanggungjawab mentadbirkan hal-ehwal penjaja dari segi perancangan dan pembangunan masyarakat penjaja di Kuala Lumpur.
 2. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Organisasi DBKL, iaitu jabatan yang menguruskan hal-ehwal kakitangan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dalam menyediakan berbagai-bagai bentuk kemudahan dan perkhidmatan kepada warga kota, DBKL menyediakan "Pelan Tindakan" untuk ijadian garis panduan dalam melaksanakan dasar-dasar dan strategi, sesuai dengan perkembangan dan pembangunan bandar raya Kuala Lumpur dari masa ke semasa. Pelan pertama yang disediakan untuk membangunkan Kuala Lumpur ialah apa yang dipanggil "Pelan Perkawasan" pada tahun 1931. Pelan ini semudiannya dibuat beberapa pindaan pada tahun 1950-an, 1960-an, 1970-an mengikut kesesuaian masa. Ekoran daripada perluasan sempadan pentadbiran (lihat Jadual 2.7 dan Jadual 2.8), perubahan sosioekonomi, sosiopolitik dan fizikal, maka "pelan pembangunan" yang lebih menyeluruh diadakan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1980 dan diwartakan pada tahun 1984. Ianya dinamakan "Pelan Struktur Kuala Lumpur³". Pelan ini mengariskan kenyataan bertulis, yang mengandungi objektif-objektif am, dasar-dasar dan cadangan, bersangkutan dengan pembangunan, guna tanah dan sosioekonomi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berpandukan pelan inilah DBKL menjalankan tugasnya, walaupun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibuat penyemakan semula (lihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1984).

3. Pelan ini mempunyai tempoh 20 tahun, iaitu mulai tahun 1980 hingga tahun 2000. Kini (1999) pelan ini disemak semula dan beberapa pindaan akan dibuat sesuai dengan keadaan semasa bandar raya Kuala Lumpur.

Gambarajah 4.1 Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1998



Sumber: Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999

Nota: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Jabatan Kesihatan dan Direktorat Penguatkuasaan adalah jabatan yang mempunyai hubungan langsung dengan aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur.

Penjaja dan kegiatan menjaja adalah di antara aktiviti ekonomi yang agak masih diceburi oleh warga kota Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kegiatannya menimbulkan beberapa isu dan situasi yang tidak menyenangkan sahaja bandar yang lain, jika tidak dikawal dan tidak diberi perhatian yangegas oleh pihak DBKL. Oleh itu, dalam menangani fenomena ini, jabatan atau ahagian khas diwujudkan dalam organisasi DBKL, iaitu Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil (lihat Gambarajah 4.2). Jabatan ini diberi tanggungjawab penuh dalam pengeluaran lesen, mengawal kegiatan menjaja agar mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dan merancang untuk membangunkan para penjaja mengikut keperluan dan keadaan semasa.

Peranan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL dalam menghadapi fenomena penjajaan di Kuala Lumpur dapat dilihat pada fungsi dan objektif jabatan ini iaitu:


- a. Memproses dan mengeluarkan lesen menjaja dan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen.
- b. Mentadbir dan mengurus penjaja dan peniaga kecil yang dilesenkan supaya mereka mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- c. Mengwujudkan suasana penjajaan/perniagaan yang bersih, teratur dan indah dengan pengawalan secara menyeluruh ke atas aktiviti penjajaan/peniaga kecil supaya mereka berdisiplin dan bertanggungjawab.

- d. Mewujudkan sistem penjajaan/perniagaan kecil yang sistematik, bermutu dan moden dengan mendirikan pusat-pusat menjaja/perniagaan kecil yang moden dan serba lengkap.
- e. Mengawal pertumbuhan penjaja/peniaga kecil agar mereka tidak menimbulkan kesan-kesan negatif dari segi kebersihan dan keindahan bandar.
- f. Membangunkan masyarakat penjaja/peniaga kecil melalui kursus dan tunjuk ajar, agar kegiatan mereka memperolehi pendapatan yang berpatutan dan mengatasi masalah kemiskinan.
- g. Mengawal pembangunan fizikal bandar oleh pihak swasta, agar setiap projek pembangunan yang hendak dibangunkan, hendaklah menyediakan ruang yang secukupnya untuk kegiatan menjaja/perniagaan kecil, demi mengelakkan pertumbuhan penjaja secara persendirian di kawasan berkenaan, terutamanya penjaja makanan.
- h. Membantu kerajaan dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional dari segi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin agar mereka dapat meneruskan kehidupan bandar dengan selesa serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi bandar.

Dengan jumlah kakitangan lebih kurang 380⁴ orang, Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL menjalankan tugas-tugas jabatan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan penjajaan. Oleh itu, jabatan ini tidak asing lagi kepada para penjaja di Kuala Lumpur dan ianya sering dikunjungi oleh orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan daripada jabatan ni. Penolong Pengarah Pentadbiran Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL memaklumkan bahawa di antara 100 – 200 orang berkunjung pada setiap hari ke jabatan ini untuk berurus. Ada yang ingin memohon lesen menjaja, membayar lesen, membayar sewa gerai, menukar tapak menjaja, menukar nama lesen dan sebagainya. Kini, Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL terletak di Tingkat 4 dan 5, Wisma PKNS, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambarajah 4.2, jabatan ini diketuai oleh pengarah dan dibantu oleh empat orang penolong pengarah yang mengetuai empat bahagian utama, iaitu Bahagian Pasar, Bahagian Penjajaan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan Bahagian Aduan dan Penguatkuasaan.

4. Maklumat didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

ambarajah 4.2 Carta Organisasi Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1998



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

4.2.1 Menetapkan Peraturan Menjaja

Walaupun kegiatan menjaja agak senang untuk diceburi, namun individu yang ingin mengusahakannya tidak boleh menjalankan aktiviti menjaja sesuka hati mereka, tanpa kebenaran daripada DBKL. Atas dasar kepentingan awam, kegiatan menjaja di Kuala Lumpur dikawal oleh DBKL. Hakikatnya, hanya penjaja yang dibenar (berlesen) sahaja boleh

menjalankan kegiatan menjaja, sebagaimana syarat yang ditetapkan dalam lesen yang dikeluarkan. Dengan kata lain, individu yang ingin menjaja, hendaklah memperolehi lesen menjaja daripada DBKL terlebih dahulu⁵. Menjalankan aktiviti menjaja tanpa lesen, adalah salah dan boleh diambil tindakan dari segi undang-undang.

Bagi mengawal kegiatan menjaja agar tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai, beberapa peraturan dan undang-undang kecil dikuatkuasakan oleh DBKL seperti:

- a. Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan/ Kuala Lumpur) 1989.
- b. Undang-Undang Kecil Pasar (Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur) 1984.
- c. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan/ Kuala Lumpur) 1979 dan pindaan 1991.

Undang-Undang Kecil seperti yang dinyatakan, mengariskan beberapa peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh penjaja. Oleh yang demikian, berpandukan undang-undang kecil inilah DBKL membuat kawalan dan pengawasan ke atas penjaja. Mana-mana penjaja yang tidak mematuhiya diambil tindakan seperti mengeluarkan notis kesalahan, saman, menyita gerai, membatalkan lesen dan mengambil tindakan mahkamah.

-
5. Terdapat juga individu yang menjalankan kegiatan menjaja tanpa lesen di Kuala Lumpur. Kegiatan mereka ini sering berdepan dengan tindakan penguatkuasaan oleh pihak DBKL.

Mengenai pengeluaran lesen menjaja, terdapat beberapa kategori lesen menjaja dikeluarkan oleh DBKL seperti:

- a. Lesen Penjaja Sementara
- b. Lesen Penjaja Bergerak
- c. Lesen Penjaja Statik
- d. Lesen Penjaja Pasar


Untuk menjadi seorang penjaja yang sah di bandar raya Kuala Lumpur, salah satu lesen seperti yang dinyatakan perlu diperolehi (lihat Lampiran 3, contoh lesen yang dikeluarkan oleh DBKL). Manakala syarat-syarat asas yang ditetapkan oleh DBKL dalam pengeluaran lesen ialah seperti:-

- a. Warganegara Malaysia – lesen tidak dikeluarkan kepada warga negara asing. Malah mereka ditegah sama sekali terlibat dengan aktiviti penjajaan.
- b. Berumur 18 Tahun Ke Atas – kanak-kanak atau orang tua tidak dibenarkan menjaja.
- c. Sihat Tubuh Badan – individu yang berpenyakit ditegah menjaja.
- d. Lokasi Yang Sesuai – DBKL akan membuat penilaian mengenai tempat menjaja yang dipohon.
- e. Masa Menjaja – akan ditentukan oleh DBKL masa yang sesuai untuk menjaja.
- f. Barang Yang Dijaja – akan ditentukan oleh DBKL kesesuaian barang yang hendak dijaja.

Lesen seperti yang dinyatakan akan dikeluarkan⁶, jika pihak DBKL berpuashati di atas permohonan yang dibuat dan jenisnya bergantung kepada bentuk penjajaan yang dipohon. Prosedur untuk mendapatkan lesen menjaya daripada DBKL, bermula dengan membuat permohonan dalam borang yang boleh didapati secara percuma daripada Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL. Borang permohonan akan diproses sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambarajah 4.3. Sekiranya tidak ada apa-apa masalah, hanya mengambil masa 3 minggu sahaja untuk mendapatkan lesen. Lihat Lampiran 4, contoh borang permohonan lesen yang disediakan oleh DBKL.

-
6. Mulai tahun 1996 sehingga kini, lesen penjaja pasar sahaja dikeluarkan. Lesen-lesen lain dibekukan sehingga ke suatu masa. Ini kerana DBKL sedang membuat penyusunan semula penjaja-penjaja yang ada kini, terutamanya penjaja di jalanan.

Gambarajah 4.3 Carta Aliran Pengeluaran Lesen



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999

Beberapa maklumat penting dinyatakan dalam lesen dan ianya perlu beri perhatian oleh pemegang-pemegang lesen. Maklumat-maklumat berkenaan ialah:-

- a. Nama Pelesen - hanya individu yang tercatit nama dalam lesen sahaja dibenarkan menjaja.
- b. Barang Yang Dijaja - pelesen hendaklah menjaja barang yang dinyatakan dalam lesen sahaja.
- c. Waktu Menjaja - pelesen hanya dibenarkan menjaja di waktu yang dibenarkan sebagaimana yang tercatit di dalam lesen.
- d. Lokasi Menjaja - pelesen dilarang memindah lokasi dan hanya boleh menjaja di lokasi yang dibenarkan sahaja.

Dari segi bayaran lesen, ianya bergantung kepada bentuk penjajaan, jenis jualan, keluasan gerai dan lokasi. Begitu juga mengenai kadar sewa gerai / premis⁷. Kadarnya berbagai-bagai dan tidak sama di antara satu lokasi dengan

7. Mengikut Penolong Pengarah IV, Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bayaran lesen dan kadar bayaran sewa gerai / premis yang dikenakan adalah rendah kerana bayarannya diambil kira subsidi daripada pihak kerajaan.

**stadual 4.2 Kadar Bayar Sewa Bulanan Gerai / Premis DBKL
Dan Swasta Pada Tahun 1999**

Gerai Berkunci	RM 40.00 - RM 250.00
Gerai Dalam Bangunan Swasta*	RM350.00 - RM 1200.00
Gerai Dalam Pasar	RM 30.00 - RM 150.00
Stapur Bergerak	RM 450.00 - RM 450.00
Kiosk	RM 100.00 - RM 250.00


Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : * = Kadar sewa yang ditetapkan oleh pemilik bangunan hendaklah mendapat persetujuan DBKL.

Sekiranya menjaja "makanan bermasak" peraturan dan syarat-syarat menjaja yang lebih ketat lagi dikenakan oleh pihak DBKL, demi untuk menjaga kebersihan makanan yang dijaja dan kebersihan persekitaran tempat menjaja. Penjaja diwajibkan mengambil suntikan pelalian / pencegahan penyakit dan mengikuti kursus-kursus yang berkaitan dengan pengendalian makanan yang dianjurkan oleh pihak DBKL atau institusi-institusi yang dilantik. Syarat yang sama juga dikenakan kepada pembantu-pembantu jika penjaja mempunyai pembantu. Dalam hubungan ini, pihak DBKL mengeluarkan panduan yang perlu diikuti oleh para penjaja. Gambarajah 4.4 ialah contoh personaliti seorang penjaja makanan bermasak yang dikehendaki oleh DBKL. Manakala


Gambarajah 4.5 pula ialah larangan-larangan terhadap seseorang penjaja nakalan bermasak.

Gambarajah 4.4 Contoh Kebersihan Diri Yang Perlu Dititikberatkan Oleh Pengendali Makanan



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Gambarajah 4.5 Contoh Amalan-Amalan Yang Tidak Baik Sebagai Seorang Pengendali Makanan.



**AMALAN-AMALAN YANG BERCANGGAI
DENGAN PERATURAN UNDANG-UNDANG
KECIL PENGENDALI MAKANAN (WP) 1979**

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

4.2.2 Mengadakan Aktiviti Untuk Meningkat Kesedaran Di Kalangan Penjaja

Kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur, seringkali menimbulkan masalah dari segi kebersihan, gangguan awam dan pengindahan bandar. Rata-rata penjaja tidak mengambil berat mengenai permasalahan ini. Apa yang penting bagi mereka ialah mencari pendapatan dan mengumpul wang sebanyak yang boleh. Oleh itu, aktiviti penjajaan dikaitkan dengan kekotoran serta para penjaja dikatakan golongan pengacau keharmonian bandar. Bagi mengatasi masalah ini, DBKL merancang dan mengatur program-program khusus untuk meyedarkan masyarakat penjaja tentang tanggungjawab sosial mereka terhadap persekitaran bandar dan penghuni bandar yang lain. Di antara program yang diadakan oleh DBKL ialah:-

a. Kursus Pengendalian Makanan

Kursus ini diperkenalkan kepada penjaja makanan bertujuan untuk menjaga kebersihan makanan yang diniagakan. Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah bertanggungjawab mengendalikan kursus dengan penekanan kepada kaedah-kaedah penyedia makanan yang bersih dan selamat dimakan. Semua penjaja-penjaja berlesen diwajibkan menghadiri kursus ini yang dijalankan secara berperingkat. Sijil kursus akan diberi kepada penjaja yang berjaya dalam kursus ini.

b. Pertandingan Kebersihan Penjaja

Bagi memupuk semangat cintakan kebersihan di kalangan penjaja, sama ada kebersihan diri ataupun persekitaran tempat menjaja, Pertandingan Kebersihan Penjaja diadakan. Program ini melibatkan agensi kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan sukarela (NGO).

c. Gotong Royong Dan Kempen Kebersihan

DBKL menganjurkan program gotong-royong membersih kawasan penjajaan. Di bawah program ini, pusat-pusat menjaja di arah agar menutup perniagaan pada setiap hari Isnin setiap bulan, untuk kerja-kerja pembersihan.

d. Mengadakan Perbincangan Dengan Persatuan Penjaja

Kelompok-kelompok penjaja di sesuatu lokasi mempunyai persatuan. Pihak DBKL mengambil pendekatan menerima pandangan persatuan penjaja, agar hubungan di antara persatuan dan DBKL tidak tegang dan menyenangkan sesuatu peraturan yang hendak dilaksanakan. Dalam pada itu, wakil persatuan juga diberi tempat dalam pengurusan DBKL untuk mengemukakan pendapat dan pandangan. Dalam Gambarajah 4.2, Jawatankuasa Penasihat Penjaja, turut diwakili oleh persatuan-persatuan penjaja yang terdapat di Kuala Lumpur.

e. Menaik Taraf Tapak Penjaja

Mana-mana tapak penjajaan jalanan yang agak ramai penjaja, DBKL akan membangunkan tapak berkenaan supaya ianya kelihatan lebih menarik dan bersih. Oleh kerana program ini memerlukan kos yang banyak, ianya dilaksanakan secara berperingkat. Di bawah program ini, bekalan api, air, tempat membuang sampah dan sistem punggutan sampah disediakan.

f. Mengadakan Pemeriksaan Harian

Pemeriksaan harian terhadap kegiatan menjaja dibuat oleh pihak DBKL. Aspek yang diberi penekanan ialah kebersihan diri penjaja, kebersihan persekitaran dan mutu makanan. Untuk itu, Unit Aduan dan Penguatkuasaan diadakan di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL. Unit ini sentiasa membuat pemeriksaan, agar penjaja-penjaja menjaja mengikut peraturan yang ditetapkan. Mana-mana penjaja yang melanggar peraturan, tindakan penguatkuasaan diambil. Lihat Lampiran 5, tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh DBKL terhadap penjaja-penjaja yang menjalankan kegiatan menjaja tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

4.2.3 Mengadakan Pusat-Pusat Menjaja

Penjaja yang menjalankan kegiatan menjaja secara statik dan berselerak di tepi-tepi jalan, banyak menimbulkan implikasi negatif, dari segi kebersihan dan keindahan bandar serta gangguan awam. Untuk

menangani permasalahannya, DBKL mengadakan puat-pusat menjaja di lokasi yang difikirkan sesuai. Pembinaannya juga bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan melalui menjaja dan peniagaan kecil kepada warga kota, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan miskin. Pusat-pusat menjaja diadakan dalam dua kategori utama:

a. Pasar

Merupakan pusat menjaja untuk memasarkan keperluan harian keluarga. Pertumbuhan kawasan-kawasan kediaman baru, penduduknya memerlukan pasar untuk mendapat keperluan harian. Oleh itu, DBKL mengadakannya. Sementara itu, paarpasar tradisi yang agak usang akan dibangunkan semua dalam bentuk pasar yang agak moden dan serba lengkap. Manakala pasar-pasar ini diurustadbir sendiri oleh DBKL, agar perjanannya mengikut peraturan yang ditetapkan.

b. Pusat Menjaja Makanan Bermasaki

Pusat-pusat menjaja makanan bermasaki dibangunkan oleh DBKL dalam rangka menyusun semula penjaja yang berselerak, terutamanya di pusat bandar. Pusat menjaja ini dilengkapi dengan kemudahan asas untuk kesenangan penjaja dan keselesaan pelanggan. Pusat menjaja ini juga dikawal oleh DBKL, agar ianya bersih dan indah. Dalam pada itu, pihak swasta diminta mengadakan pusat menjaja terutamanya di bangunan tinggi, bagi menghalang pertumbuhan penjaja di sekitar bangunan berkenaan.

Pada masa ini, DBKL sedang giat merancang dan membina puasat-pusat menjaja makanan bermasak, terutamanya di pusat bandar untuk menempatkan semula penjaja jalanan yang kemunculan mereka kini banyak menimbulkan permasalahan. Melalui program ini, DBKL mengharapkan di masa akan datang, tidak ada lagi penjaja makanan di tepi-tepi jalan di pusat bandar.

3 Perkembangan Penjaja Di Kuala Lumpur

Kumpulan penjaja dan kegiatan menjaja adalah merupakan fenomena yang tidak asing bagi kehidupan bandar, terutama di Asia. Mereka memberi hidmat yang penting kepada komuniti bandar (Mohd Fauzi Yaacob dan Rokiah alib, 1986). Di Kuala Lumpur, bidang penjajaan adalah salah satu peluang kerjaan golongan berpendapatan rendah mencari nafkah dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan bandar (Mohd Razali Agus, 1992). Ianya dikatakan satu fenomena yang mempunyai perkaitan dengan penghijrahan enduduk ke Kuala Lumpur. Manakala Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, iaitu sebuah kerajaan tempatan telah memainkan peranan penting dalam mengawasi fenomena penjajaan di banda raya ini.

Kemunculan penjaja di Kuala Lumpur, dapat dikesan sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi⁸. Pada ketika itu, bilangan penjaja tidak begitu

3. Tidak ada maklumat lengkap mengenai penjaja di Kuala Lumpur sebelum merdeka. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga tidak mempunyai data-data mengenai penjaja dalam tempoh ini.

mai dan aktiviti penjajaan tertumpu di pusat bandar. Selain daripada menjalankan aktiviti penjajaan secara "statik", terdapat juga kegiatan menjaja yang dilakukan secara bergerak (berkeliling) dari satu tempat ke satu tempat. Mungkin bila negara mencapai kemerdekaan, bilangan penjaja di Kuala Lumpur mulai bertambah. Ini disebabkan oleh pembangunan pesat bandar Kuala Lumpur dari segi ekonomi, politik, sosial dan budaya. Penghijrahan penduduk desa ke Kuala Lumpur berlaku secara beramai-ramai dan mendadak untuk melibatkan diri dengan kegiatan ekonomi bandar. Perubahan ekonomi Malaysia selepas kemerdekaan yang menekankan kepada pembangunan perindustrian dan perdagangan di bandar, menyebabkan tenaga buruh banyak diperlukan di bandar. Selaras dengan ini, penduduk desa berhijrah terutamanya ke Kuala Lumpur, bagi merebut peluang-peluang pekerjaan bandar yang lebih menguntungkan berbanding dengan pekerjaan di sektor pertanian di desa.

Pelancaran dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971, dikatakan telah menarik ramai penduduk desa berhijrah ke Kuala Lumpur. Mereka digalakkan berhijrah atas alasan politik, ekonomi dan sosial. Lantaran penghijrahan berlaku secara mendadak, terutamanya selepas tahun-tahun 1970-an, maka Kuala Lumpur mengalami tekanan penduduk dan guna tenaga berlebihan untuk lisrap ke sektor perdagangan dan perindustrian. Jadi, untuk membolehkan penghijrah terus tinggal di Kuala Lumpur, mereka mengusahakan kegiatan ekonomi di sektor informal, yang mana salah satu aktiviti ialah di bidang menjaja. Bilangan penjaja mula meningkat dari tahun ke tahun dan kehadiran mereka tidak dapat dikawal lagi. Kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an telah menyebabkan ramai penjaja tumbuh di Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melonggarkan syarat untuk mendapatkan lesen, demi memberi peluang kepada warga kota Kuala Lumpur mencari pendapatan melalui kegiatan menjaja⁹.

9. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999. Dalam pada itu, kegawatan ekonomi yang dialami mulai tahun 1997 menyebabkan ramai pekerja dibuang kerja. Walaupun pihak DBKL tidak ada maklumat yang lengkap, tetapi dipercayai ramai yang hilang pekerjaan mencebur yang kegiatan menjaja sebagai peluang mereka mencari pendapatan. Kebanyakannya mengusahakan tanpa lesen kerana DBKL membekukan pengeluaran lesen semenjak tahun 1996 sehingga kini.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, pada tahun 1970 terdapat 5,415 penjaja berlesen dengan 4,377 penjaja Cina, 800 penjaja India dan 238 penjaja Melayu. Tahun 1980 bilangan penjaja berlesen meningkat kepada 15,322 orang yang terdiri daripada 11,281 orang penjaja Cina, 1,445 penjaja India dan 2,596 penjaja Melayu. Pada tahun 1990, terdapat 33,175 penjaja berlesen dan seramai 18,399 orang penjaja Cina, 2,505 penjaja India dan 12,271 penjaja Melayu. Manakala pada tahun 1998, bilangan penjaja berlesen yang direkodkan berjumlah 34,362 orang yang terdiri daripada 20,126 orang penjaja Cina, 2,999 orang penjaja India dan 11,237 orang penjaja Melayu.

Jadual 4.3 Statistik Penjaja Di Kuala Lumpur Mengikut Kaum (1970-1998)

	1970	1975	1980	1985	1990	1998
	238 (4.4)	1271 (13.7)	2,596 (16.9)	2,832 (20.7)	12,271 (37.0)	11,237 (33.0)
	4,377 (80.8)	6,994 (75.6)	11,281 (73.6)	9,809 (72.1)	18,399 (55.5)	20,126 (58.0)
	800 (14.8)	990 (10.7)	1,445 (9.5)	976 (7.2)	2,505 (7.5)	2,999 (9.0)
	5,415 (100)	9,255 (100)	15,322 (100)	13,608 (100)	33,175 (100)	34,362 (100)

Sumber : Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : () = peratus

Berdasarkan Jadual 4.3, sehingga tahun 1998 didapati etnik Cina merupakan golongan yang paling ramai menjalankan kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, iaitu merangkumi 58 peratus, manakala etnik Melayu 33 peratus dan etnik India 9 peratus. Di antara faktor yang menyebabkan demikian, ialah etnik Cina merupakan golongan yang awal menetap di Kuala Lumpur. Semenjak pelancaran DEB etnik Melayu mula berhijrah ke Kuala Lumpur dan didapati yang menjalankan kegiatan menjaja juga mula meningkat dari tahun ke tahun. Meningkatnya etnik Melayu ini juga adalah hasil daripada galakan daripada kerajaan dan peluang-peluang yang diberi kepada mereka agar mencebur ke dalam perniagaan dan sebagai asas untuk membentuk komuniti Melayu bandar dalam perdagangan¹⁰.

Dari segi taburan penjaja di Kuala Lumpur, didapati mereka bertaburan di setiap kawasan, terutamanya di pusat bandar yang menjadi tumpuan ramai. Kawasan-kawasan utama ialah seperti di persekitaran Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abd. Rahman, Jalan Petaling, Jalan Masjid India, kawasan Bangsar, kawasan Bukit Bintang dan dikawasan-kawasan perumahan di seluruh Kuala Lumpur (lihat Jadual 1.2). Barang yang dijaja pula, terdiri daripada makanan bermasak, bahan makanan mentah, pakaian, peralatan-peralatan dapur dan sebagainya.

10. Pemberian lesen dan ruang untuk menjaja, diberi keutamaan kepada kaum bumiputra, melalui penyediaan ruang khas dan kuota yang ditetapkan.

Ada di kalangan penjaja yang menjalankan aktiviti menjaja sebagai ekerjaan utama mereka dalam mencari nafkah di Kuala Lumpur dan ada juga tengusahakannya sebagai kerja sambilan, untuk menambah pendapatan keluarga. Sebagaimana yang direkodkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (lihat Jadual 4.3), pada tahun 1998 terdapat 34,362 orang penjaja berlesen dan dianggarkan lebih kurang 6,000 orang penjaja tanpa lesen¹¹. Ini bermakna jumlah penjaja keseluruhannya ialah lebih kurang 40,362 orang. Jika diandaikan seorang penjaja mengambil 2 orang sebagai pekerja/ pembantunya, ini bermakna seramai 121,086 orang penghuni bandar raya Kuala Lumpur terlibat dengan aktiviti penjajaan. Dengan jumlah penduduk Kuala Lumpur seramai 1,284,400 pada tahun 1992 (lihat Jadual 2.9), maka dengan ini dianggarkan bahawa 9.4 peratus penduduk Kuala Lumpur menjalankan kegiatan ekonomi di bidang penjajaan (Mohd Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib, 1986 menganggarkan 5 peratus). Manakala urusniaga yang dihasilkan melebihi RM 1 billion setahun (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , 1995) Berdasarkan populasi, sumbangan kepada komuniti bandar, peluang pekerjaan dan pendapatan, maka ternyata aktiviti penjajaan berperanan dan memberi sumbangan penting ke atas pembangunan ekonomi bandar Kuala Lumpur.

11. Data mengenai penjaja tanpa lesen hanya anggaran sahaja, kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak pernah membuat bancian terhadap penjaja tanpa lesen. Data mengenai penjaja tanpa lesen sejumlah 6,000 dikemukakan oleh Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1997.

4 Kelompok / Kategori Penjaja Di Kuala Lumpur

Terdapat dua kumpulan penjaja yang dapat dikesan dan menjalankan aktiviti penjajaan di bandar raya Kuala Lumpur. Pertama, ialah kumpulan penjaja tanpa lesen dan kedua, ialah kumpulan penjaja berlesen. Kumpulan penjaja tanpa lesen wujud kerana beberapa faktor seperti:

- a. Sengaja tidak memohon lesen untuk mengelak daripada membuat bayaran kepada DBKL.
- b. Lesen tidak boleh dikeluarkan di tempat yang dipohon, sedangkan penjaja terus menjaja di tempat berkenaan.
- c. Tapak / gerai disewakan oleh penjaja berlesen kepada orang lain yang tidak mempunyai lesen.
- d. Warga negara asing menjalankan kegiatan menjaja, sedangkan mereka ditegah menjalankan kegiatan ini.(lihat Lampiran 6 iaitu mengenai kegiatan warga negara asing dalam bidang penjajaan di Kuala Lumpur).
- e. Peraturan / dasar DBKL, di mana lesen menjaja statik di jalan dibekukan, mulai tahun 1996 kerana memberi tumpuan kepada penyusunan dan penempatan semula penjaja di jalan yang sedia ada berada dalam keadaan berselerak dan tidak tersusun.

Di antara faktor-faktor seperti yang dinyatakan, maka wujudnya penjaja tanpa lesen di Kuala Lumpur. Ditambah dengan faktor penguatkuasaan yang lemah, penjaja tanpa lesen terus menjalankan kegiatan penjajaan, walaupun mereka sedar bahawa kegiatan itu salah dari segi undang-undang. Ada di antara

Kumpulan penjaja tanpa lesen ini berasas baik dan sering terlepas daripada tangan pihak DBKL. Walau apapun, kegiatan mereka tidak selamat dan sering dilaru oleh penguatkuasa DBKL.

Manakala Kumpulan penjaja berlesen pula adalah terdiri daripada kumpulan penjaja yang menjaja dengan mendapat lesen (kebenaran) daripada pihak DBKL. Mereka membayar lesen dan dibenarkan menjaja mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh DBKL. Di bandar raya Kuala Lumpur, kumpulan penjaja dapat dikelompok atau dikategorikan kepada beberapa kumpulan / kategori seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4 Kelompok /Kategori Penjaja Berlesen Di Kuala Lumpur, 1998

Kelompok / Kategori Penjaja	Bilangan	Persentase
Penjaja Statik Tepi Jalan	9,592	28.0
Penjaja Bergerak (Berkenderaan)	138	0.4
Penjaja Dalam Bangunan Swasta	488	1.4
Penjaja Geraі Berkunci/Pusat Penjaja	773	2.2
Penjaja Pasar Berbangunan	8103	23.5
Penjaja Pasar Terbuka	4092	12.0
Penjaja Pasar Malam	11,107	32.3
Penjaja Pasar Tani	69	0.2

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati terdapat 8 kelompok / kategori penjaja berlesen yang menjalankan aktiviti mereka di bandar raya Kuala Lumpur . Setiap kelompok berkenaan, mempunyai ciri-ciri penjajaan tersendiri dari segi lokasi, kedah penjajaan, barang yang dijaja, masa menjaja dan sebagainya. Data-data yang dikemukakan dalam Jadual 4.4, adalah merujuk kepada penjaja berlesen sahaja sehingga tahun 1998, manakala bilangan sebenar pada setiap kelompok mungkin lebih kerana penjaja tanpa lesen yang terdapat pada setiap kelompok tidak termasuk dalam data-data berkenaan (lihat Lampiran 6).

4.4.1 Penjaja Statik Di tepi Jalan

Statik bermakna kekal atau tidak berubah. Penjaja statik di tepi jalan, ialah penjaja atau kelompok penjaja yang menjalankan kegiatan menjaja secara tetap di tepi jalan. Mengikut Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, kelompok penjaja ini menjalankan kegiatan dengan menggunakan gerai, sama ada gerai berkenaan dibina sendiri oleh penjaja ataupun pihak DBKL. Jenis-jenis gerai yang digunakan ialah seperti gerai berbentuk "kereta tolak" berukuran 6 kaki x 3 kaki, dapur bergerak, kiosk dan gerai di dinding dan kaki lima bangunan. Kelompok / kategori penjaja ini juga dipanggil "penjaja jalanan"¹². Jadual 4.5 adalah bilangan penjaja berlesen di Kuala Lumpur yang digolongkan dalam kelompok / kategori ini.

12. Maklumat daripada Penolong Pengarah IV, Bahagian Penjajaan, Jabatan Pengurusan Penajaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL, dalam temubual yang diadakan pada 21 September 1999.

Individual 4.5 Statistik Penjaja Statik Berlesen Di Tepi Jalan Mengikut Jenis Gerai, 1998

Jumlah		
Gerai (Kereta Tolak) Berukuran 6 kaki x 3 kaki	9380	98.2
Dapur Bergerak	64	0.6
Kiosk	93	0.7
Gerai Di Dinding/ Kaki Lima Bangunan	52	0.5

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999


4.4.2 Penajaja Gerai (Kereta Tolak) Berukuran 6 Kaki x 3 Kaki

Penjaja yang menjaja barang dengan menggunakan gerai berukuran 6 kaki x 3 kaki, merupakan kelompok penjaja yang teramai dari segi "penjaja jalanan". Kebiasaannya gerai dibina sendiri oleh penjaja dengan keluasan berukuran 6 kaki x 3 kaki sahaja yang dibenarkan oleh DBKL. Gerai berkenaan dapat digerakkan untuk dianjak mengikut kesesuaian. Lazimnya, barang jajaan dipamer di atas gerai ini, seperti makanan bermasak, minuman, buah-buahan, makanan ringan, rokok, akhbar, majalah dan lain-lain. Sebahagian besarnya penjaja didapati menjual makanan dan minuman.

Dari segi lokasi, kebanyakan penjaja yang menjaja dengan menggunakan gerai kereta tolak ini, boleh didapati di tepi-tepi jalan, bahu jalan, lorong-lorong belakang bangunan, di atas longkang di pusat bandar

dan tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Misalnya, kita dapat lihat kehadiran penjaja ini di sekitar Jalan Masjid India, Lorong Hj.Taib, Jalan Alor, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling, Jalan Hj.Taib dan lain-lain kawasan. Bagi pejaja yang mempunyai ruang persekitaran gerai (kereta tolak), didapati juga mereka membina bumbung (gerai yang lebih besar daripada kereta tolak) dan "gerai kereta tolak" diletak di dalamnya. Keadaan ini didapati pada penjaja yang menjaja makanan bermasak dan minuman. Ada juga yang menggunakan payung yang diletak di sekeliling gerai untuk meneduh tempat makan pelanggan. Gambar 4.1, 4.2, 4.3 dan 4.4 adalah contoh gerai penjaja berbentuk kereta tolak yang boleh didapati di pusat bandar Kuala Lumpur. Struktur yang dibina mengelilingi "gerai kereta tolak", sama ada menggunakan payung atau pembinaan bumbung, dibuat tanpa kelulusan DBKL. Oleh yang demikian, gerai berkenaan kelihatan tidak menarik (hodoh) dan mencacatkan keindahan bandar. Lebih-lebih lagi jika ianya dibina daripada bahan-bahan buangan.

Gambar 4.1 Contoh Gerai Berbentuk Kereta Tolak



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota: Gerai seperti ini boleh didapati di merata tempat di pusat bandar Kuala Lumpur. Gerai yang berbentuk kereta tolak ini boleh dianjak dari satu lokasi ke lokasi yang lain mengikut keperluan. Di bandar raya Kuala Lumpur, gerai seperti ini banyak didapati di bahu jalan, tepi jalan, atas longkang dan lorong-lorong belakang bangunan. Rata-rata gerai berkeadaan lusuh dan buruk. Oleh itu, adanya gerai seperti ini telah mencacatkan keindahan bandar.

Gambar 4.2 Pembinaan Bumbung (Gerai Besar)



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

Nota: Bumbung dibina di tapak menjaja dan gerai kereta tolak diletak dalamnya (gerai besar). Pembinaan bumbung gerai ini hendaklah mendapat kebenaran daripada DBKL terlebih dahulu. Gerai yang agak besar seperti inilah yang dikatakan mencacat keindahan bandar raya Kuala Lumpur. Dalam pada itu, ia juga menimbulkan gangguan awam kerana gerai yang besar dibina di atas bahu jalan, tepi jalan dan lorong belakang bangunan. Rata-rata penjaja membina bumbung gerai tanpa kebenaran DBKL.

Gambar 4.3 Penjaja Menjual Makanan Bermasak Dan Minuman Dengan Menggunakan Gerai Kereta Tolak



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

Nota: Payung digunakan untuk berteduh. Rata-rata penjaja yang menjual makanan bermasak dan minuman menggunakan payung untuk berteduh daripada hujan atau panas. Setiap meja makan dilengkapi dengan payung. Keadaan payung yang buruk dan lusuh mencacatkan keindahan bandar.

Gambar 4.4 Meja Makan Mengelilingi Gerai Kereta Tolak



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

Nota: Meja lipat digunakan untuk tempat makan pelanggan.


4.1.2 Dapur Bergerak

Dapur bergerak merupakan konsep gerai mudah alih yang lengkap dengan kemudahan asas seperti bekalan api, air, tempat memasak dan tempat membasuh yang diperbuat daripada "stainless steel". Ia seakan-akan sebuah dapur rumah, yang diperkenalkan oleh DBKL pada tahun 1993. Sebagai percubaan, sebanyak 64 unit dapur bergerak yang terdiri daripada 12 unit dapur bergerak tunggal dan 26 unit dapur bergerak berkembar, ditempatkan di tepi jalan kawasan-kawasan tertentu untuk menjual makanan bermasak.

Gerai berbentuk dapur ini boleh didapati di Jalan Telawi 2 Bangsar, Jalan Cheras dan Jalan Ipoh Selayang. Dari segi konsepnya, dapur ini boleh dipindahkan dari satu lokasi ke lokasi yang lain, mengikut kesesuaian. Walau bagaimanapun, semenjak diletak pada tahun 1993, dapur ini tidak pernah dipindahkan kerana beberapa masalah dihadapi untuk pemindahan¹³. Oleh itu, iaanya kekal ditempat asal. Dapur ini disewakan kepada penjaja dengan kadar sewaan sebanyak RM450.00 sebulan. Gambar 4.5 adalah gerai berbentuk dapur bergerak yang digunakan untuk menjual makanan dan minuman.

13. Kini, konsep dapur bergerak sudah tidak sesuai lagi dan Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL tidak mahu mengembangkannya lagi. Manakala yang sedia ada akan dilupuskan secara berperingkat.

Gambar 4.5 Gerai Berbentuk Dapur Bergerak Kepunyaan DBKL



Sumber: Kerja Lapangan, 1998


Nota: Gerai berbentuk dapur bergerak seperti ini tidak sesuai ditempatkan di pusat bandar kerana menjelaskan keindahan bandar.

4.4.4 Kiosk

Gerai di bawah konsep kiosk, dibina oleh DBKL untuk menempatkan penjaja yang menjaja barang kering seperti makanan ringan berbungkus, majalah, akhbar, buah-buahan yang dipotong dan sebagainya. Ianya dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air. Keluasan gerai berukuran 7 kaki x 7 kaki sahaja. Bagi yang menjual makanan, ianya dijual dalam bentuk "take away" (bungkus). Pihak DBKL membina kiosk untuk disesuaikan dengan lokasi dan dikenakan kadar sewa di antara

RM70.00 – RM200.00 sebulan. Kiosk boleh didapati dikebanyakannya perhentian bas (38 unit), Taman rekreasi (13 unit) dan di tepi jalan (52 unit). Gambar 4.6, 4.7 dan 4.8 adalah contoh Kiosk kepunyaan DBKL yang boleh didapati di bandar raya Kuala Lumpur.


Gambar 4.6 Kiosk Di Perhentian Bas



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewa Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota: Kiosk yang dibina di perhentian bas seperti ini, sudah tidak sesuai lagi buat masa ini. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambar ini, kelihatan barang yang dijual diletak tidak kemas dan tidak teratur serta keluar daripada kiosk. Ini menyebabkan permandangan yang tidak menarik dan suasana yang tidak kemas.

Gambar 4.8 Kiosk Untuk Menjual Minuman Di Pusat Bandar



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

4.4.5 Gerai Di Dinding / Kaki Lima Bangunan

Menjual melalui kaedah ini hanya terdapat di pusat bandar seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Leboh Ampang, Jalan Pudu dan lain-lain. Bilangannya tidak bertambah dan kebanyakannya dipelopori oleh penjaja kaum India Muslim. Sehingga kini, hanya terdapat 52 buah gerai berlesen sahaja. Gerai dibina sendiri oleh penjaja dengan kebenaran tuan punya bangunan. DBKL hanya mengeluarkan lesen sahaja kepada penjaja berkenaan. Kebiasaannya penjaja yang menjaja melalui gerai di tepi dinding menjual peralatan tulis, akhbar, majalah, rokok, makanan ringan yang dibungkus dan sebagainya. Gambar 4.9 dan 4.10 adalah contoh gerai di tepi dinding.

Gambar 4.9 Gerai Di Tepi Dinding Bangunan



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

Nota: Gerai yang dibina di tepi dinding bangunan seperti ini juga turut mencacatkan keindahan bandar, kerana struktur gerainya tidak kemas dan tidak menarik. Ia juga menghalang pejalan kaki di kaki lima bangunan.

Gambar 4.11 Menjaja Dengan Menggunakan Van



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Nota : Menjaja makanan bermasak dengan menggunakan van seperti ini akan diperkenalkan oleh DBKL secara meluas untuk masa akan datang kerana ianya tidak melibatkan penjaja membina struktur gerai yang mencacatkan keindahan bandar.

Gambar 4.12 Menjaja Dengan Motorsikal Yang Diubahsuai



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

Nota : Motosikal diubah suai mengikut kesesuaian barang yang hendak dijaja. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan ramai, menjadi pilihan penjaja yang menjaja dengan motosikal yang diubah suai untuk menjaja. Kegiatan menjaja seperti ini juga, menimbulkan gangguan awam, kerana penjaja akan cuba bertumpu di tempat-tempat awam.

Gambar 4.13 Menjaja Dengan Beca



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

4.4.7 Penjaja Dalam Bangunan

Kumpulan penjaja juga boleh didapati di pusat-pusat penjaja dalam bangunan tinggi yang dimiliki oleh pihak swasta. Pemilik bangunan tinggi dikehendaki membina pusat penjaja dan perkara ini disyaratkan dalam "perintah pembangunan", semasa permohonan untuk mendirikan bangunan dikemukakan kepada DBKL. Pendekatan ini diambil bagi mengelakkan kemunculan penjaja di sekitar bangunan tinggi yang mencacatkan keindahan bangunan tersebut. Ini juga merupakan program jangka masa panjang DBKL dalam usaha penyusunan semula penjaja di mana pihak swasta juga diminta memberi sumbangan.

Pusat penjaja di dalam bangunan adalah hak milik tuan punya bangunan. Pihak DBKL mengawal pusat penjaja ini dari segi kadar sewa, pemilihan penjaja dan penguatkuasaan kebersihan. Sehingga tahun 1998 terdapat 38 pusat penjaja di dalam bangunan yang dikendalikan oleh pihak swasta dengan jumlah gerai keseluruhannya sebanyak 488 unit (lihat Lampiran 7, senarai pusat penjaja yang diuruskan oleh pihak swasta). Kadar sewa gerai di pusat-pusat penjaja ini bergantung kepada saiz dan lokasi sesuatu bangunan itu. Kebiasanya ia disewakan kepada penjaja dalam kadar RM450.00 hingga RM1,500.00 sebulan. Lihat Gambar 4.14 dan 4.15, iaitu gerai di pusat penjaja swasta di dalam bangunan.

Gambar 4.14 Pusat Penjaja Di Dalam Bangunan Tinggi



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Nota: Pusat Penjaja yang diadakan dalam bangunan tinggi dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan untuk kesenangan penjaja menguruskan penjajaan dan keselesaan pelanggan.

Gambar 4.15 Pusat Penjaja Yang Dibina Oleh Pihak Swasta Di Bahagian Khas Bangunan Tinggi




Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

4.4.8 Penjaja Gerai Berkunci / Pusat Penjaja

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membina pusat penjaja yang berbentuk gerai berkunci di tempat-tempat tertentu sebagai kemudahan kepada warga kota untuk mendapatkan barang, terutamanya makanan bermasak. Pusat-pusat penjaja ini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti api, air, surau, tandas dan sebagainya. Ia dikendali sepenuhnya oleh DBKL dan merupakan program yang dirancang untuk menempatkan penjaja-penjaja jalanan yang berselerak. Sehingga tahun 1998 terdapat 33 buah pusat penjaja dengan jumlah gerai sebanyak 773 unit (lihat Lampiran 8). Kadar sewa yang ditetapkan ialah sebanyak RM40.00 –

RM250.00 sebulan bergantung kepada lokasi dan saiz gerai. Gambar 4.16 dan 4.17 adalah contoh pusat penjaja berbentuk gerai berkunci kepunyaan DBKL.


Gambar 4.16 Gerai Berkunci Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota: Salah satu lokasi gerai berkunci kepunyaan DBKL, yang disewakan kepada orang ramai. Gerai berkunci ini dilengkapi dengan kemudahan asas seperti elektrik, air, temapt membuang sampah dan sebagainya, supaya ianya selesa sama ada kepada penjaja atau pelanggan.

Gambar 4.17 Satu Pemandangan Pusat Penjaja Dalam Bentuk Gerai Berkunci



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

4.4.9 Penjaja Pasar

Penjaja di bawah kategori pasar terbahagi kepada beberapa jenis seperti:

i. **Pasar Borong**

Peniaga menjalankan aktiviti secara jualan borong di bangunan yang disediakan oleh pihak DBKL mengikut petak dan jangka masa yang ditetapkan. Petak yang disediakan berukuran 14 kaki x 14 kaki dan disewakan kepada peniaga dengan kadar sewa di antara RM500.00 – RM1,500.00 sebulan. Bilangan peniaga yang terlibat adalah seramai 464 orang dan ianya terletak di Jalan Ipoh,

Selayang. Hanya buah, sayur dan ikan sahaja dijual di pasar borong. Jadual 4.6 adalah bilangan peniaga dan barang yang diniagakan di Pasar Borong Kuala Lumpur. Manakala Gambar 4.18 adalah bangunan pasar borong berkenaan.


Jadual 4.6 Kedudukan Peniaga Dan Barang Yang Diniagakan Di Pasar Borong Kuala Lumpur

Barangan	Makanan	Cuci	Toko	Pengangkutan	Perkakas	Alat-alat	Perkiraan
Buah	5 (6.0)	63 (93.0)	1 (1.0)	-	64 (100)	8.00 pagi – 6.00 petang	
Sayur	15 (6.5)	192 (88.0)	3 (2.1)	11 (4.4)	221 (100)	8.00 pagi – 6.00 petang	
Ikan	54 (31.0)	114 (66.0)	1 (1.0)	5 (2.0)	174 (100)	2.00 malam – 6.00 pagi	
Total	94 (56.0)	379 (100)	5 (1.0)	37 (2.0)	470 (100)	8.00 pagi – 6.00 petang	

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil , Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Nota: ()= Peratus

Gambar 4.18 Beberapa Pemandangan Bangunan Pasar Borong Kuala Lumpur



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ,1999

ii. Pasar Harian Berbangunan

Sehingga tahun 1988, terdapat 25 buah pasar harian dengan jumlah penjaja berlesen serama 8103 orang. Pasar berkenaan dibina oleh DBKL untuk warga kota mendapat bekalan keperluan seperti ikan, sayur, buah-buahan dan lain-lain. Gerai-gerai yang terdapat di pasar berkenaan disewakan dalam kadar RM20.00 – RM 200.00 mengikut saiz dan lokasi gerai. Pasar harian berbangunan boleh didapati di setiap kawasan di Kuala Lumpur

(lihat Lampiran 9). Sesetengah bangunan pasar seperti Pasar Raja Bot (Chow Kit), Pasar Pudu, Pasar Datuk Keramat agak usang bangunannya¹⁴. Tambahan pula, lokasinya sudah tidak sesuai lagi bagi masa kini kerana menimbulkan kesesakan lalu-lintas dan mencatat keindahan bandar. Gambar 4.19, 4.20, 4.21 dan 4.22 adalah contoh pasar harian berbangunan yang boleh didapati di Kuala Lumpur.

Gambar 4.19 Keadaan Penjaja Di Sekitar Bangunan Pasar



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Kesesakan di sekitar bangunan pasar harian kerana penjaja menjaja di luar bangunan.

14. DBKL memaklumkan bahawa pasar-pasar berkenaan akan dibangunkan semula di lokasi yang lebih sesuai dengan bentuk penjajaan yang moden.

Gambar 4.20 Penjaja Manjaja Dalam Bangunan Pasar Harian



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Kelihatan kesesakan dalam pasar harian. Keadaan seperti ini menyebabkan tidak selesa sama ada kepada penjaja atau pelanggan. Kebanyakan pasar-pasar tradisi yang terdapat di Kuala Lumpur berkeadaan seperti ini.

Gambar 4.21 Sebuah Gerai Dalam Pasar Harian Berbangunan



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Pemandangan salah sebuah gerai yang terdapat dalam pasar moden yang kelihatan agak bersih, kemas dan teratur.

Gambar 4.22 Suatu Pemandangan (Gerai) Di Sebuah Pasar Moden



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: DBKL memperkenalkan konsep pasar moden yang lebih bersih, teratur dan selesa. Pasar seperti ini akan diperluaskan untuk mengganti pasar-pasar lama.


iii. Pasar Terbuka

Ianya merupakan kegiatan menjaja yang berkonseptan pasar harian, bagi menyediakan keperluan harian untuk orang ramai. Dikatakan pasar terbuka, kerana tidak ada bangunan asas di pasar ini, sebagai pasar berbangunan. Biasanya, penjaja menggunakan payung untuk berteduh. Mereka menjaja secara berkelompok di waktu pagi. Lokasinya ialah di tepi jalan, di

kawasan lapang dan di jalan mati dengan menggunakan gerai berukuran 6 kaki x 3 kaki ataupun menggunakan meja lipat.

Sehingga tahun 1988, terdapat 53 kawasan dengan 4,092 orang penjaja berlesen di Kuala Lumpur (lihat Lampiran 10, senarai pasar terbuka berlesen di Kuala Lumpur). Pasar terbuka ini boleh didapati di kebanyakan kawasan-kawasan perumahan. Dalam pada itu, terdapat juga kumpulan penjaja yang menjaja dalam bentuk pasar terbuka yang tidak berlesen dan tidak diiktiraf oleh DBKL. Biasanya pasar ini diwujudkan oleh persatuan-persatuan atau pertubuhan yang terdapat di kawasan kediaman. Gambar 4.23 dan 4.24 ialah contoh pasar terbuka.


Gambar 4.23 Contoh Pasar Terbuka



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Pasar terbuka seperti ini kebanyakkannya terdapat di kawasan perumahan. Penjaja menjaja di ruang-ruang kosong atau di tepi jalan

Gambar 4.24 Keadaan Gerai Yang Boleh Didapati Di Pasar Terbuka



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Penjaja membina sendiri struktur (gerai) untuk mempamirkan barang jualan di pasar terbuka

iv. Pasar Malam

Pasar malam adalah konsep penjajaan secara bergerak yang menjaja di atas jalan atau kawasan lapang secara berkelompok. Manakala waktu menjaja bermula pada pukul 6 petang hingga 10 malam. Barang jualan terdiri daripada makanan bermasak, makanan mentah, pakaian, keperluan dapur dan sebagainya. Apabila tamat waktu menjaja, penjaja akan mengosongkan tapak dan membersihkan kawasan daripada sampah sarap. Namun, aktiviti pasar malam didapati banyak

memberi gangguan awam, terutamanya dari segi lalul-lintas, bising dan kebersihan. Oleh itu, mulai tahun 1994, tidak ada lagi kawasan pasar malam baru yang dilesenkan oleh DBKL.

Sehingga tahun 1998, terdapat 83 kawasan pasar malam dengan jumlah penjaja berlesen seramai 11,107 orang. (lihat Lampiran 11, senarai kawasan pasar malam di Kuala Lumpur) Bayaran lesen dikenakan kepada penjaja ialah RM1.00 bagi satu malam. Dalam pada itu, terdapat juga kelompok penjaja pasar malam yang beroperasi tanpa lesen. Kumpulan penjaja pasar malam agak ramai bilangannya berbanding dengan kumpulan penjaja lain. Lihat Jadual 4.7, pecahan kaum di kalangan penjaja pasar malam.

Jadual 4.7 Statistik Penjaja Pasar Malam Berlesen Di Kuala Lumpur Mengikut Pecahan Kaum, 1998

Melayu	3,752	33.8
Cina	6,488	58.4
India	8.67	7.8

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , 1999

Gambar 4.25 Penjaja Pasar Malam



Sumber: Kerja Lapangan, 1998

Nota: Penjaja menggunakan meja lipat untuk mempamirkan barang dan menggunakan payung untuk berteduh. Konsep menjaja di pasar malam sudah tidak sesuai lagi di Kuala Lumpur. Ini kerana pasar malam banyak menimbulkan gangguan awam. Pihak DBKL akan mengurangkan kegiatan pasar malam secara berperingkat.

Gambar 4.26 Suatu Pemandangan Di Pasar Malam



Sumber: Kerja Lapangan, 1998.

v. Pasar Tani

Pasar tani juga merupakan konsep penjaja bergerak. Pasar tani diadakan hasil kerjasama di antara DBKL dan FAMA. Pihak DBKL menyediakan tapak dan mengeluarkan lesen, manakala pemilihan penjaja ditentukan oleh FAMA. Sehingga kini, hanya satu tapak pasar tani sahaja terdapat di Kuala Lumpur, iaitu di Jalan Ipoh dengan jumlah penjaja berlesen seramai 69 orang. Waktu menjaja adalah pada hari Sabtu mulai pukul 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Penjaja menggunakan payung dan meja lipat untuk aktiviti mereka. Tapak dikosongkan apabila tamat waktu menjaja.

Gambar 4.27 Satu Pemandangan Di Pasar Tani Kuala Lumpur



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil ,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , 1999

4.4.10 Penjaja Bermusim

Penjaja bermusim adalah kegiatan menjaja mengikut musim. Kegiatannya secara statik di sesuatu lokasi. Pihak DBKL mengeluarkan "lesen statik sementara" kepada penjaja ini, biasanya untuk tempuh tertentu. Misalnya, untuk musim buah-buahan, penjaja dibenar menjaja di lokasi yang bersesuaian secara sementara. Begitu juga dengan musim perayaan seperti Hari Raya Puasa (Bulan Ramadhan), Deepavali, Tahun Baru Cina. Sebulan sebelum tiba hari perayaan berkenaan, lesen dikeluarkan untuk menjaja barang bagi memeriahkan perayaan tersebut. Ramai warga kota mengambil peluang menjaja musim perayaan untuk mencari pendapatan tambahan. Berniaga pada musim perayaan

dikatakan mempunyai pendapatan lumayan, kerana orang ramai suka berbelanja untuk menghadapi perayaan. Pihak DBKL akan menentukan tapak-tapak yang sesuai untuk menjaja di musim perayaan. Manakala menjaja selain daripada di lokasi yang dibenarkan adalah menjadi satu kesalahan dan tindakan penguatkuasaan akan diambil. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.8, didapati pengeluaran lesen meningkat setiap tahun kerana bilangan pemohon bertambah.

Jadual 4.8 Pengeluaran Lesen Sementara Musim Perayaan tahun 1996, 1997 Dan 1998

	1996	1997	1998
Hari Raya Puasa (Bulan Ramadhan)	3,221	3,303	4,201
Tahun Baru Cina	317	329	467
Deepavali	76	89	321

Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil , Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , 1999

**Gambar 4.28 Salah Satu Tapak Menjaja Bulan Ramadhan
(Hari Raya Puasa)**



Sumber: Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , 1999

Daripada apa yang dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa di Kuala Lumpur terdiri daripada berbagai-bagai kategori dan kaedah untuk menjaja. Kelompok/kategori penjaja berlesen yang paling ramai ialah penjaja pasar malam yang merangkumi 32.3 peratus (11,107 orang). Kemudiannya diikuti oleh penjaja statik di tepi jalan 28.0 peratus (9,592 orang), pasar berbangunan 23.5 peratus (8,103 orang) dan penjaja pasar terbuka 12.0 peratus (4,092 orang). Manakala kelompok/kategori lain bilangannya tidaklah begitu ramai (lihat Jadual 4.4) Semua kelompok/kategori penjaja ini boleh didapati pada semua kawasan

parlimen yang ada di Kuala Lumpur. Kawasan parlimen yang paling ramai penjaja ialah kawasan Parlimen Bukit Bintang (lihat Jadual 1.1).

Mengenai lesen yang dikeluarkan oleh DBKL, ianya terbahagi kepada dua kategori lesen. Pertama ialah lesen sementara, yang dikeluarkan untuk menjaja dalam tempoh yang dihadkan seperti penjaja pasar malam, penjaja musim buah-buahan dan penjaja musim perayaan. Manakala lesen tetap pula dikeluarkan kepada penjaja pasar berbangunan, pasar terbuka, penjaja statik di tepi jalan (penjaja jalanan) dan penjaja di pusat penjaja sama ada yang disediakan oleh DBKL ataupun oleh pihak swasta. Setiap kelompok/kategori penjaja menjalankan aktiviti mereka dengan cabaran dan masalah-masalah tersendiri yang akan dibincangkan di dalam tajuk dan bab seterusnya.

4.5 Penjaja Sebagai Sub-Komuniti Bandar

Kajian mengenai komuniti diberi penekanan yang berbagai oleh para pengkaji. Maka, berbagai-bagai angkubah dan tafsiran yang berlainan bagi setiap pengkaji dalam memperkatakan tentang komuniti. Park (1929), Mercer (1956) dan MacIver dan Page (1965) menekankan "kawasan" adalah faktor penting dalam penentu komuniti. Walaupun begitu, angkubah ini tidak begitu jelas, kerana akibat perubahan masa dan teknologi menyebabkan keadaan hidup manusia begitu dinamis dan bergerak dengan cepat melampaui ukuran geografi. Perkembangan teknologi mewujudkan pelbagai kemudahan untuk manusia berhubung dengan lebih pantas di luar lingkaran kawasan. Mobiliti

geografi dan sosial begitu pesat dan dalam keadaan ini ramai yang tidak lagiahir dan menetap di satu tempat sahaja.

Memandangkan faktor "kawasan" mempunyai kelemahan, bagi penentuomuniti, maka Goode (1957), Warren (1963), Breeze (1966) dan Webber (1967) melihat "kawasan" tidak begitu penting lagi dalam memperkatakan tentang komuniti, sebaliknya "ikatan yang sama". Dalam pada itu, Firth (1952) dan Parsons (1964) telah melihat bahawa "tindakan sosial" yang berlaku juga merupakan angkubah penting dalam pembentukan hubungan bagi sesebuah komuniti.

Oleh kerana terdapat berbagai-bagai angkubah dalam penentuan komuniti, maka Hillery (1955) merumuskan bahawa sesebuah komuniti hendaklah memperlihatkan tiga angkubah dan ciri-ciri utama komuniti iaitu kawasan sama (Community as locality), ikatan sama (Community as a local social system) dan hubungan sosial (Community as a type of relationship). Berdasarkan angkubah dan ciri-ciri, ternyata komuniti bukan sahaja wujud di luar bandar, tetapi juga di bandar-bandar. Di bandar, kelompok komuniti wujud sesuai dengan persekitaran bandar itu sendiri. Misalnya, Ismail Stapa (1995) telah melihat bagaimana penyewa-penyewa perumahan awam di Kuala Lumpur melalui angkubah-angkubah yang dibincangkan membentuk satu komuniti. Di bandar raya Kuala Lumpur, kelompok komuniti dapat dikesan di setiap kawasan dengan anggota-anggotanya menjalani kehidupan bandar yang tersendiri.

Di samping beberapa komuniti yang wujud, di bandar juga dapat dikesan muncul pula "sub-komuniti". Di kalangan penjaja di Kuala Lumpur, telah dikesan

sh Mohd Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib (1986) sebagai sub-komuniti bandar. kerana kelompok-kelompok penjaja hampir mempunyai ciri-ciri satu komuniti n oleh kerana ciri-cirinya tidak begitu lengkap dan kemas untuk membentuk sebuah komuniti maka ia dikatakan sebagai "sub-komuniti". Bagi menyokong indangan Mohd Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib (1986), pengkaji akan emaparkan angkubah-angkubah dan ciri-ciri komuniti yang dapat dikesan di alangan kelompok penjaja.

Dari segi faktor "kawasan", kedudukan tapak-tapak penjaja didapati mereka menjaja secara kelompok (kumpulan) di dalam lingkungan 10-30 orang menjaja pada sesuatu kawasan. Malah pada sesetengah kawasan menjaja, bilangan penjaja melebihi 100 orang. Misalnya, penjaja di Jalan Petaling, Jalan Masjid India, Lorong Hj. Taib, Jalan Raja Bot dan lain-lain. Mereka menjaja acara statik (tetap) di kawasan ini mengikut waktu menjaja yang dibenarkan. Kalau dilihat pada kawasan menjaja di pasar, sama ada pasar terbuka atau pasar berbangunan, pasar tani, pusat-pusat penjaja, bilangan penjaja yang ada adalah ramai pada sesuatu kawasan itu¹⁵. (lihat Lampiran 7,8,9,10 dan 11 iaitu tapak/kawasan menjaja yang disenaraikan oleh DBKL). Mereka berkelompok di kawasan berkenaan, walaupun terdapat juga penjaja yang menjaja secara individu.

15. Kawasan yang menjadi tapak menjaja juga ada sempadan. Misalnya sempadan kawasan pasar dipagar, sempadan kawasan pasar malam ditanda sama ada papan tanda atau ditanda atas jalan. Sempadan kawasan ini ada direkodkan oleh Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL.

Ada di antara penjaja telah lebih daripada 10 tahun bertapak di kawasan berkenaan dan dari segi pentadbiran DBKL, mereka dilarang mengubah tapak nenjaja sesuka hati. Begitu juga dengan individu baru yang mengambil bahagian dalam penjajaan, dilarang sama sekali memasuki atau menceroboh tapak yang telah dikhaskan kepada penjaja berkenaan. Ini bermakna penjaja di sesuatu kawasan itu terikat dengan peraturan lesen yang dikeluarkan oleh DBKL. Dalam pada itu, setiap penjaja juga menjaga kawasan masing-masing daripada dicerobohi oleh mana-mana pihak. Dalam hal ini, biasanya mereka bekerjasama di antara satu sama lain dan juga dengan pihak DBKL. Lantaran sudah lama mereka berada di sesuatu kawasan itu, maka mereka mengenali di antara satu sama lain. Di sini konsep gotong-royong dan tolong menolong wujud. Misalnya, diadakan gotong-royong membersihkan kawasan dan kemudahan yang dibekalkan oleh pihak DBKL dan sebagainya. Sesetengah pusat penjaja, diadakan kemudahan surau, tandas, tempat membuang sampah, tempat menyimpan barang (seperti bilik sejuk) dan lain-lain¹⁶. Perkara-perkara seperti ini menjadi tanggungjawab bersama di kalangan penjaja menjaganya. Walaupun penjaja tidak tinggal di tapak atau kawasan di mana mereka menjaja, namun kawasan berkenaan kepunyaan mereka selagi pihak DBKL memberikan mereka menjaja di tapak berkenaan.

16. Semua pasar berbangunan mempunyai kemudahan seperti yang dinyatakan, Selain daripada itu, pusat penjaja di Jalan Duta, Jalan Tenteram, Bandar Tun Razak dan Jalan Raja Muda mempunyai kemudahan yang agak lengkap.

Demi untuk memantapkan lagi kepentingan kawasan menjaja mereka, didapati rata-rata kawasan menjaja diwujudkan persatuan. Ahli-ahlinya terdiri daripada penjaja kawasan berkenaan. Organisasi ini memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya dan merupakan saluran penting di kalangan penjaja untuk mengemukakan apa-apa cadangan kepada DBKL. Sebenarnya para penjaja merupakan ahli komuniti di tempat tinggal masing-masing sama ada mereka tinggal di perumahan awam, perumahan setinggan dan sebagainya. Kawasan menjaja merupakan tempat mereka bekerja untuk mencari pendapatan. Di tempat ini, mereka membuat perhubungan baru dengan rakan-rakan yang sama menjalankan penjajaan dan mempunyai kepentingan yang sama. Oleh itu, hubungan mereka agak rapat atas alasan mencari nafkah di kawasan yang sama. Lebih daripada separuh masa harian mereka dihabiskan di kawasan menjaja. Kadang-kadang seluruh isirumah berada di kawasan menjaja untuk membantu aktiviti menjaja. Ini membawa kepada hubungan yang lebih luas, di mana satu keluarga penjaja mengenali keluarga yang lain, kerana mereka sering berjumpa di kawasan menjaja keluarga masing-masing. Biasanya hubungan ini akan berterusan dan membawa kepada kunjung mengunjung ke kawasan kediaman dan tolong-menolong apabila memerlukannya.

Faktor "ikatan sama" dapat dikesan di kalangan penjaja dalam beberapa aspek seperti pentadbiran DBKL, ekonomi, politik dan sosial. Ikatan yang paling kuat mengikat para penjaja di sesuatu kawasan menjaja ialah pentadbiran DBKL. Peraturan-peraturan menjaja yang ditetapkan oleh DBKL dari segi perlesenan adalah untuk mengawal kegiatan menjaja supaya mereka mematuhi peraturan-

peraturan menjaja. Untuk menjadi seorang penjaja yang sah dari segi perundangan, memerlukan lesen daripada DBKL. Menjaja tanpa lesen adalah salah dan boleh diambil tindakan sehingga ke peringkat mahkamah. Untuk ini, Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja Dan Gerai (Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur) 1989, Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur) 1979 dan pindaan 1991 dan Undang-Undang Kecil Pasar(Wilayah Persekutuan/Kuala Lumpur) 1984 dikuatkuasakan. Pemberian lesen oleh DBKL kepada penjaja adalah bersyarat sebagaimana yang dijelaskan di dalam lesen berkenaan. Misalnya, hanya pemegang lesen sahaja yang boleh menjaja, penjaja makanan hendaklah memeriksa kesihatan mereka, menjaja di kawasan dan waktu yang dibenarkan, menjaga kebersihan diri dan persekitaran tapak serta kawasan menjaja, tidak menimbulkan kacau-ganggu dan halangan awam dan sebagainya. Oleh yang demikian, setiap penjaja di sesuatu kawasan itu, masing-masing mematuhi peraturan ini. Mana-mana penjaja yang mengingkarinya, lesen ditamatkan dan mereka tidak dibenarkan menjaja lagi¹⁷. Sementara itu, pihak DBKL sering membuat lawatan dan pemeriksaan ke atas gerai/tapak menjaja untuk memastikan mereka tidak melanggar peraturan. Program gotong-royong membersih kawasan diadakan setiap bulan, manakala semua penjaja diwajibka melibatkan diri¹⁸.

-
17. Penolong Pengarah IV Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memaklumkan bahawa pada tahun 1998 sebanyak 6 kes lesen dibatal kerana penjaja tidak patuh peraturan.
 18. Maklumat didapati daripada Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Ikatan ekonomi juga merupakan ikatan yang kuat di kalangan penjaja. I mereka merupakan kelompok yang bergiat dalam kegiatan ekonomi yang sama. Sebarang tindakan yang boleh mengugat pendapatan mereka, akan mereka sentang. Mereka bersatu di bawah status golongan berpendapatan rendah dan nemberlukan pembelaan daripada pemerintah. Misalnya, penjaja yang menyewa gerai/premis daripada DBKL sering mengemukakan rayuan melalui persatuan kawasan mereka untuk mengurangkan kadar sewa, mengurangkan bayaran jenda apabila dikenakan tindakan saman dan sebagainya. Demi untuk memajukan kawasan mereka dari segi menarik ramai pengunjung/pelanggan, mereka sama-sama menjaga kawasan menjaja agar ianya bersih, cantik dan menarik¹⁹. Kebiasaanya, harga jualan juga diseragamkan agar tidak menimbulkan persaingan dalam menarik pelanggan.

Kekuatan ikatan ekonomi di kalangan penjaja dapat dilihat terhadap penentangan mereka semasa DBKL mahu memindahkan kawasan menjaja di Jalan Chow Kit ke Lorong Hj. Taib pada tahun 1997. Mereka mengadakan mogok dan menunjuk perasaan tidak mahu berpindah ke kawasan yang dicadangkan, dengan alasan kawasan baru tidak sesuai dan akan menjelaskan pendapatan mereka (lihat Lampiran 21). Lampiran 21, adalah beberapa keratan akhbar yang menunjukkan penentangan penjaja terhadap cadangan pemindahan mereka ke lokasi lain.

19. Pihak Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL sering mengadakan program gotong-royong membersih dan mengindahkan kawasan di mana kehadiran penjaja adalah diwajibkan.

Ikatan melalui politik pula, didapati para penjaja mendokong parti-parti politik tertentu terutamanya parti yang memerintah. Ini dapat dikesan melalui papan tanda parti politik didirikan di kawasan mereka menjaja. Pemimpin-pemimpin persatuan penjaja juga terdiri daripada pemimpin politik di peringkat kawasan atau bahagian. Kedua-dua saling perlu dan memerlukan di antara satu sama lain. Parti politik memerlukan sokongan daripada penjaja dan penjaja memerlukan bantuan/perlindungan daripada ahli politik, agar kegiatan mereka tidak digugat oleh pihak lain terutamanya DBKL. Apabila sesuatu permohonan hendak dipohon daripada DBKL mereka akan mendapat sokongan politik atau meminta tokoh-tokoh politik campur tangan dalam masalah yang mereka hadapi (lihat Lampiran 22).

Ikatan dari segi sosial pula, dapat dilihat dengan penubuhan persatuan di kalangan penjaja. Setiap kawasan menjaja ditubuhkan persatuannya sendiri. Persatuan kawasan pula bergabung dan menjadi satu persatuan induk di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Persatuan memainkan peranan penting untuk menyatukan penjaja di sesuatu kawasan dan menjaga kawasan menjaja serta kebijakan ahli-ahlinya²⁰. Persatuan juga merupakan perantaraan di antara pihak DBKL dan penjaja untuk berhubung dan berbincang mengenai sesuatu isu atau masalah. Dengan adanya persatuan, merupakan satu ikatan

20. Misalnya, kawasan menjaja pasar malam, pihak persatuan bertanggungjawab membersih kawasan.

sosial di kalangan penjaja. Mereka patuh kepada peraturan persatuan dan segala urusan mengenai kegiatan menjaja di kawasan mereka akan bertindak di atas nama persatuan. Melalui persatuan, hubungan di antara satu sama lain terjalin lebih erat, kerana sering mengadakan perjumpaan untuk membincangkan masalah bersama.

Faktor "hubungan sosial" pula, didapati ikatan yang paling kuat ialah bangsa dan agama. Kebanyakan kegiatan menjaja dilakukan secara berkelompok. Manakala kelompok-kelompok yang wujud terdiri daripada penjaja-penjaja sebangsa. Oleh itu, terdapat kelompok penjaja Melayu seperti di Jalan Masjid India, kelompok penjaja Cina seperti di Jalan Petaling dan kelompok penjaja India seperti di Lebuh Ampang. Walaupun begitu, terdapat juga penjaja daripada berbagai-bagai bangsa menjaja di kawasan yang sama.

Kelompok penjaja yang terdiri daripada bangsa yang sama, menyebabkan mereka mengadakan hubungan sosial di antara satu sama lain atas kepentingan bangsa dan agama yang sama. Semangat melindungi dan memelihara bangsa menyebabkan mereka bersatu, bertolak ansur, tolong menolong dan menghormati di antara satu sama lain. Ajaran agama juga berkehendakkan mereka menghormati antara satu sama lain dan memberi pertolongan kepada yang memerlukannya. Berpegang kepada kepentingan bersama, walaupun penjaja terdiri daripada berbagai-bagai kaum, mereka menjalinkan hubungan sosial yang baik sekali. Di sini, wujud pula perpaduan kaum yang mana ianya sangat penting untuk kesejahteraan kehidupan bandar.

Hubungan yang wujud di tempat menjaja membawa kepada kunjung iengunjung ke tempat kediaman dan keadaan ini menambaheratkan lagi erhubungan di antara mereka. Hubungan sosial yang kuat di kalangan penjaja rujud kerana mereka agak lama menjalankan kegiatan menjaja di tempat yang ama. Mereka juga perlu bersatu untuk mempertahankan kawasan mereka.

Berdasarkan faktor-faktor pembentukkan komuniti seperti yang dibincangkan, ternyata di kalangan kelompok penjaja dapat dilihat bagaimana faktor kawasan sama, ikatan sama dan hubungan sosial yang terjalin memainkan peranan penting. Dalam hal ini, mungkin sesetengah kawasan yang menjadi tempat mereka menjaja tidak kekal lama kerana terpaksa dipindahkan ke tempat lain apabila kawasan berkenaan sudah tidak sesuai lagi. Pemindahan biasanya dilakukan secara berkelompok (lihat Lampiran 12, tapak-tapak penjaja yang telah dipindahkan).

Begitu juga kalau dilihat dari segi masa menjaja. Mereka sama-sama berada di kawasan menjaja dalam jangka masa tertentu sahaja, sama ada sebelah pagi, tengah hari, petang ataupun malam. Selepas waktu menjaja, mereka pulang ke rumah, di mana wujudnya komuniti masing-masing. Bersesuaian dengan ini, maka kelompok penjaja pada sesuatu kawasan itu adalah merupakan di antara sub-komuniti bandar yang dapat dikesan di bandar raya Kuala Lumpur. Kewujudannya turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur dan melengkapkan sistem ekonomi bandar raya berkenaan.

4.6 Beberapa Isu, Masalah Dan Senario Semasa

Penjaja turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Kewujudannya di bandar-bandar Dunia Ketiga telah diberi penekanan oleh pengkaji bandar, agar mereka diberi peluang dan pertolongan, supaya kegiatannya dapat dikembang dan dimajukan selaras dengan pembangunan bandar. Di Malaysia, kewujudan golongan penjaja dan permasalahan yang dihadapi, mendapat perhatian oleh pihak pemerintah. Peranan dan sumbangan masyarakat penjaja mendapat pengiktirafan. Contohnya, kerajaan Malaysia menetapkan tarikh 18 November setiap tahun sebagai "Hari Penjaja". Ianya disambut pada setiap tahun bagi meransang penjaja agar dapat mengamalkan etika penjajaan yang baik, mementingkan kebersihan dan menawarkan harga yang berpatutan (lihat Lampiran 13).

Di Kuala Lumpur, penjaja-penjaja menjalankan kegiatan menjaja di hampir segenap tempat. Kawasan yang menjadi tumpuan utama ialah di kawasan-kawasan yang dinamakan oleh McGee dan Yeung (1977) sebagai "nodes of high pedestrian and population density". Kawasan-kawasan itu termasuklah kawasan-kawasan yang secara tradisinya menjadi tumpuan kegiatan menjaja, seperti di pasar-pasar serta di kawasan sekitarnya dan juga di tepi jalan-jalan dan lorong-lorong yang sering digunakan oleh orang ramai. Selain daripada itu, kegiatan menjaja juga berlangsung di tempat-tempat yang lain seperti di perhentian bas dan teksi, berhampiran dengan pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, di sekitar kawasan hiburan seperti panggung wayang dan lain-lain kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai (Mohd Fauzi Yaacob dan Rokiah Talib, 1986).

Pengelompokan penjaja di tempat-tempat seperti yang dinyatakan adalah semata-mata untuk mengambil peluang daripada kehadiran orang ramai di kawasan berkenaan, supaya membeli barang yang dijaja. Oleh yang demikian, tempat-tempat seperti ini sentiasa menjadi rebutan untuk menjalankan kegiatan menjaja. Lantaran para penjaja terlampau mengejar kawasan-kawasan yang dianggap strategik, maka kegiatan mereka menimbulkan beberapa implikasi negatif, khususnya kepada penghuni bandar yang lain dan pihak pentadbir bandar. Tambahan pula, sikap penjaja yang lebih mengutamakan keuntungan, menyebabkan suasana keindahan bandar dicacatkan oleh kehadiran penjaja dengan peralatan dan struktur gerai yang lusuh dan tidak menarik. Permasalahan ini dapat dilihat dalam beberapa aspek yang akan diperbincangkan.

4.6.1 Lokasi Yang Tidak Sesuai

Lokasi yang strategik sangat diperlukan untuk aktiviti menjaja. Tempat-tempat yang menjadi tumpuan awam menjadi idaman para penjaja kerana pasaran akan meluas. Di bandar raya Kuala Lumpur, pusat bandar yang terdapat pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, pasaraya, pusat hiburan, hotel dan sebagainya menjadi pilihan utama para penjaja untuk menjaja, terutamanya menjaja makanan. Kegiatan mereka ini seolah-olah "menangguk di air yang keruh". Oleh itu, didapati di sekitar Jalan Masjid India, Jalan Bukit Bintang, Jalan Petaling, Lorong Haji Taib, Jalan Raja Alang dan lain-lain sesak dengan penjaja. Mereka menjalankan kegiatan menjaja di atas bahu jalan, tepi jalan dan lorong-

orong belakang bangunan. Malah ada yang meletakkan gerai di atas longkang, semata-mata untuk mengambil peluang kehadiran orang ramai di kawasan berkenaan.

Lokasi menjaja di tempat-tempat seperti yang dinyatakan adalah tidak sesuai kerana menyebabkan gangguan awam seperti gangguan terhadap pejalan kaki, lalu lintas, pemilik bangunan yang berdekatan, pekerja-pekerja menjaga kebersihan dan sebagainya. Dalam pada itu, aktiviti menjaja di tempat berkenaan juga mencacatkan keindahan persekitaran kawasan, bising dan menimbulkan kekotoran. Di sini, penjaja telah mengambil hak pengguna lain untuk kepentingan peribadi mereka.

Ketidaksesuaian lokasi menjaja juga dapat dilihat pada aktiviti menjaja di pasar, pasar terbuka dan pasar malam. Sesetengah pasar, seperti Pasar Chow Kit, Pasar Pudu, Pasar Jalan Bukit Bintang dan lain-lain, tapaknya sudah tidak sesuai lagi untuk dijadikan tempat menjaja. Ini kerana bangunannya yang sudah usang serta menjadi punca kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan. Kedudukan pasar-pasar ini di tengah pusat bandar juga tidak sesuai dari segi keindahan bandar kerana penjaja-penjaja yang tedapat di sekitar bangunan pasar dengan rupa bentuk gerai yang lusuh, kotor telah mencacatkan keindahan bandar.

Begitu juga mengenai aktiviti penjaja pasar malam. Lokasi/tapak operasi pasar malam seperti di atas jalan menyebabkan gangguan kepada lalu lintas. Sesetengahnya, terpaksa menutup jalan, semata-mata untuk memberi peluang kepada penjaja pasar malam beroperasi. Mengenai pasar terbuka yang biasanya

iadakan di tepi jalan di kawasan perumahan, telah menyebabkan penghuni awasan berkenaan tidak selesa kerana bising, kotor dan berbau busuk. Gangguan yang diakibatkan oleh aktiviti penjajaan sering diterima oleh pihak DBKL dan juga sering dilaporkan oleh media-massa. Lihat Lampiran 14, laporan akhbar mengenai aktiviti penjajaan yang menimbulkan gangguan awam kerana menjaja di lokasi/tapak yang tidak sesuai untuk dijadikan tempat menjaja. Manakala Gambar 4.29, 4.30, 4.31, 4.32 dan 4.33 menunjukkan kegiatan menjaja dilakukan di lokasi yang tidak sesuai dan menimbulkan halangan.

Gambar 4.29 Lokasi Pasar Harian Yang Tidak Sesuai Lagi



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

Nota : i. Salah sebuah bangunan pasar tradisi yang masih terdapat di pusat bandar Kuala Lumpur.
ii. Lokasi pasar ini tidak sesuai lagi kerana banyak menimbulkan gangguan awam.

Gambar 4.30

Gerai Penjaja Di Atas Bahu Jalan



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

Nota : i. Gerai penjaja berbentuk kereta tolak diletak di atas bahu jalan. Kedudukan gerai ini menghalang pejalan kaki kerana menjadi lokasi menjaja.

ii. Gerai ditinggalkan di lokasi berkenaan walaupun tamat waktu menjaja.


Gambar 4.31 Lokasi Menjaja Dengan Gerai Di Atas Jalan



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

Nota : Gerai di letak di tepi jalan dan tidak sesuai dari segi lokasi kerana menghalang lalu-lintas dan pejalan kaki.

Gambar 4.32 Aktiviti Penjajaan Menghalang Lalulintas



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

Nota : Suatu pemandangan lalulintas tersekat kerana jalan menjadi sempit akibat adanya gerai penjaja di tepi jalan / bahu jalan.

Gambar 4.33 Menjaja Di Atas Jalan Tanpa Gerai



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

Nota : Bentuk penjajaan seperti ini biasanya dilakukan oleh penjaja haram (tanpa lesen). Warganegara asing juga menjaja seperti ini. Biasanya penjaja tidak menjaja secara tetap. Penjaja akan berpindah dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

4.6.2 Tidak Mematuhi Peraturan

Ramai di kalangan penjaja menjalankan kegiatan menjaja dengan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak DBKL. Ini menyebabkan orang ramai merasa tidak selesa dan terganggu (lihat Lampiran 15, laporan akhbar mengenai aktiviti penjajaan yang tidak disenangi oleh orang ramai). Lesen mengenai menjaja yang dikeluarkan oleh pihak DBKL adalah bertujuan untuk mengawal kegiatan menjaja, namun ramai yang tidak mematuhiinya. Di antara peraturan yang sering tidak dipatuhi oleh penjaja ialah:

a. Masa Menjaja

Masa yang dibenarkan untuk menjaja adalah penting demi untuk mengelakkan daripada berlakunya gangguan awam. Misalnya, bagi menjaja di pasar malam, masa yang dibenarkan adalah mulai pukul 6.00 petang hingga 10.00 malam. Apa yang berlaku, rata-rata penjaja mula memasuki tapak mulai jam 3.00 petang dan di waktu ini jalan yang menjadi tapak pasar malam terganggu untuk lalu lintas. Selain daripada itu, sesetengah tempat dibenarkan menjaja di waktu siang sahaja kerana tapak berkenaan digunakan untuk tujuan lain sebelah malamnya. Peraturan ini juga tidak dipatuhi yang menyebabkan pihak DBKL terpaksa membuat kawalan di tapak berkenaan.

b. Menyewakan Gerai/Tapak Kepada Orang Lain

Gerai/tapak hanya boleh digunakan oleh penjaja yang diberi lesen menjaja di gerai/tapak berkenaan sahaja. Lesen serta gerai/tapak menjaja tidak boleh dilepas milik kepada orang lain. Apa yang berlaku, ramai di kalangan penjaja menyewakan gerai/tapak kepada penjaja lain. Mereka berbuat demikian semata-mata untuk mendapat keuntungan mudah. Bayaran lesen/gerai kepada DBKL di antara RM 100.00 – RM 250.00 sebulan, sedangkan gerai berkenaan disewakan pula kepada penjaja lain di antara RM 500.00 – RM 1,000.00 atau lebih, bergantung kepada lokasi sesuatu gerai itu. Di sini,tuan punya gerai mendapat keuntungan tanpa berusaha atau tanpa melakukan apa-apa aktiviti. Walaupun pihak DBKL sedar kegiatan ini, namun tindakan agak sukar diambil kerana DBKL

memerlukan bukti-bukti yang jelas. Tambahan pula pihak DBKL kekurangan kakitangan untuk mengawasi kegiatan setiap penjaja.

c. Tidak Menjaga Kebersihan

Kebersihan adalah aspek yang sangat ditekankan oleh pihak DBKL dalam menyelia aktiviti penjajaan. Oleh itu, langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap penjaja demi menjaga kebersihan, sering di maklumkan oleh DBKL kepada para penjaja seperti penyediaan tong sampah, menutup makanan, menjaga kebersihan diri dan sebagainya. Namun, ianya tidak diambil berat. Oleh yang demikian, didapati ramai di kalangan penjaja makanan tidak memakai pakaian yang sesuai untuk menjaga kebersihan diri, membuang sampah dan sisa makanan ke dalam longkang, gerai/tapak menjaja kotor dan sebagainya. Akibat daripada ini, gerai-gerai menjadi tempat pembiakan lalat, lipas dan tikus yang menjadi penyebar penyakit. Kekotoran yang dikesan bukan sahaja pada gerai, tetapi juga diri penjaja berkeadaan kotor. Kebersihan diri ataupun kebersihan gerai tempat menjaja, menjadi punca penyebaran penyakit berjangkit seperti taun. Lihat Lampiran 16, laporan akhbar mengenai wabak taun yang dipercayai berpunca daripada sikap penjaja yang tidak mengamalkan kebersihan. Manakala Gambar 4.34, 4.35, 4.36 dan 4.37 adalah contoh-contoh gerai yang kotor, di mana penjaja tidak memberi perhatian ke atas aspek kebersihannya.


Gambar 4.34 Gerai Penjaja Yang Kotor Dan Lusuh



Sumber : Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : Walaupun gerai kelihatan kotor dan lusuh, namun ia
nya tidak diambil perhatian oleh penjaja untuk
memerkemas dan mengindahkannya. Keadaan
gerai yang seperti ini mencacatkan keindahan
bandar.

Gambar 4.35 Keadaan Gerai Yang Tidak Kemas



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

- Nota : i. Suatu pemandangan di tapak penjajaan makanan bermasak di tepi jalan.
- ii. Kelengkapan dan peralatan menjaja tidak dijaga dengan sempurna dan dibiarkan terdedah kepada kekotoran seperti habuk dan debu. Tempat simpanan air juga tidak tertutup dan membolehkan pembiakan nyamuk.
- iii. Keadaan gerai yang seperti inilah menyebabkan gerai penjaja menjadi tempat penyebaran penyakit.

Gambar4.36 Barang/Peralatan Menjaja Terdedah Kepada Kekotoran



Sumber : Kerja Lapangan, 1998

- Nota :
- i. Keadaan gerai menjaja makanan yang tidak terurus dengan baik.
 - ii. Keadaan seperti ini menyebabkan gerai makan kotor dan punca pembiakan lalat, lipas dan tikus.
 - iii. Peralatan menjaja tidak disimpan dengan kemas dan teratur.
 - iv. Keadaan seperti ini boleh didapati di kebanyakan gerai makan statik di Kuala Lumpur.

Gambar 4.37 Kerja-Kerja Memasak Di Gerai



Sumber : Kerja Lapangan, 1998.

- Nota :
- i. Penjaja memasak di tapak gerai dalam persekitaran yang kotor.
 - ii. Gambar ini menunjukkan penjaja makanan tidak mengamalkan kebersihan makanan yang dijaja.
 - iii. Cara memasak makanan seperti ini tidak sesuai dan kebersihannya tidak terjamin kerana terdedah kepada kekotoran.

d. Membina Struktur (Gerai Lebih Besar)

Keluasan gerai yang dibenarkan oleh DBKL untuk menjaja di pusat bandar ialah berukuran 6 kaki x 3 kaki sahaja. Gerai hendaklah dalam bentuk yang boleh digerakkan (anjak). Oleh sebab itu, gerai-gerai yang diguna oleh penjaja dibina dalam bentuk kereta tolak. Walaupun saiz keluasan gerai telah ditetapkan oleh pihak DBKL, namun rata-rata

penjaja, terutamanya penjaja yang menjaja makanan, membina struktur lain (berbentuk bumbung) yang lebih besar. Tujuannya untuk dijadikan tempat berteduh meja makan pelanggan.

Pembinaan struktur seperti ini tidak dibenarkan oleh DBKL. Ini kerana ia mengambil ruang yang luas dan tambahan pula ianya dibina dalam bentuk yang tidak kemas dan tidak menarik. Malah ada yang membina gerai dengan bahan buangan. Suasana dan persekitarannya kelihatan hodoh dan mencacatkan keindahan bandar. Lihat Gambar 4.38, 4.39 dan 4.40, iaitu struktur yang dibina oleh penjaja makanan.


Gambar 4.38 Pembinaan Bumbung Gerai



Sumber : Kerja Lapangan, 1998.

Nota : Bumbung gerai dibina daripada bahan plastik. Keadaan seperti ini menyebabkan keindahan bandar tercemar dengan struktur gerai yang tidak menarik.

Gambar 4.39 Pembinaaan Struktur Gerai Daripada Bahan Buangan



Sumber : Kerja Lapangan, 1998.

Nota : Keadaan gerai menjual makanan yang kotor dan strukturnya mencacat keindahan bandar.

Gambar 4.40

Pembinaan Struktur Gerai Untuk Perteduhan Pelanggan



Sumber : Kerja Lapangan, 1998.

DBKL memandang berat dan bertindak tegas terhadap penjaja yang tidak mematuhi peraturan-peraturan menjaja seperti mana yang ditetapkan, demi untuk menjaga keselesaan awam dan kesejahteraan penghuni bandar yang lain. Oleh itu, diadakan Bahagian Aduan dan Penguatkuasaan di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL yang diketuai oleh seorang penolong pengarah. Kakitangan bahagian ini setiap hari membuat pemeriksaan ke atas para penjaja untuk mempastikan mereka mematuhi peraturan.

Penjaja yang melanggar peraturan dikenakan tindakan saman, lesen dibatal, gerai disita atau diroboh dan dihadapkan ke mahkamah.

Oleh kerana bilangan penjaja ramai, sedangkan kakitangan DBKL untuk menyelia kurang, maka kegiatan penjajaan agak tidak terkawal. Ini terbukti dengan ramainya penjaja tidak mematuhi peraturan berdasarkan aduan awam yang diterima dan tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap penjaja berkenaan. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.9, pada tahun 1996 sebanyak 627 aduan mengenai salah laku penjaja diterima. Tahun 1997 sebanyak 456 aduan dan pada tahun 1998 sebanyak 375 aduan. Berkurangan aduan yang diterima pada tahun 1997 dan 1998 adalah disebabkan tindakan tegas pihak DBKL dan kesedaran yang timbul di kalangan penjaja mematuhi peraturan yang ditetapkan.

**Jadual 4.9 Statistik Aduan Awam Yang Diterima Oleh
Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil,
DBKL Tahun 1996, 1997 Dan 1998.**

	1996	1997	1998
Telefon	390 (62.2)	215 (47.1)	109 (29.1)
Surat	199 (31.7)	180 (39.4)	100 (26.6)
Hadir Sendiri	17 (2.7)	25 (5.5)	35 (9.3)
Radio	21 (3.4)	32 (7.0)	10 (2.8)
E-Mail	-	3 (1.0)	121 (32.2)

Sumber : Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : () = Peratus

Jadual 4.10 pula adalah mengenai statistik notis kesalahan yang dikeluarkan oleh DBKL terhadap penjaja yang melanggar peraturan. Pada tahun 1996 sebanyak 7,636 notis kesalahan dikeluarkan. Tahun 1977 sebanyak 7676 dan tahun 1998 berkurang kepada 6604 notis. Di kalangan kelompok/kategori penjaja pula didapati penjaja statik jalanan paling banyak melakukan kesalahan iaitu 40.3 peratus pada tahun 1996, 52.3 peratus pada tahun 1997 dan 56.7 peratus pada tahun 1998.

Manakala Jadual 4.11 pula, adalah statistik permohonan saman/aduan ke mahkamah, yang diambil terhadap penjaja, kerana mereka tidak menjelaskan kompaun/denda yang dikenakan, bersabit dengan notis kesalahan yang dikeluarkan kepada mereka. Sementara itu, jumlah denda yang dikutip oleh DBKL ialah RM 575,195.00 pada tahun 1996, RM 1,002,290.00 pada tahun 1998 dan RM 567,836.00 pada tahun 1998²¹.

Jadual 4.10 Statistik Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan Terhadap Penjaja Yang Melanggar Peraturan Tahun 1996, 1997 Dan 1998.

Kelompok/Kategori Penjaja	1996	1997	1998
Penjaja Pasar	2609 (34.1)	1810 (23.6)	1204 (18.2)
Penjaja Pasar Malam	1957 (25.6)	1849 (24.1)	1656 (25.1)
Penjaja Statik/Jalanan	3070 (40.3)	4017 (52.3)	3744 (56.7)
Jumlah	7836 (100)	7676 (100)	6604 (100)

Sumber : Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : () = Peratus

21. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jadual 4.11 Statistik Saman/Aduan Ke Mahkamah

Kelompok/Kategori Penjaja	1996	1997	1998
Penjaja Pasar	267 (21.7)	213 (22.8)	433 (17.8)
Penjaja Pasar Malam	343 (27.9)	275 (29.4)	807 (33.2)
Penjaja Statik/Jalanan	621 (50.4)	445 (47.8)	118 (49.0)
Jumlah	1231 (100)	933 (100)	2428 (100)

Sumber : Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Nota : () = Peratus

4.6.3 Sikap Dan Amalan Negatif

Kegiatan menjaja menghadapi persaingan yang luas. Bagi penjaja makanan yang berkelompok di satu-satu lokasi, mereka bersaing di antara satu sama lain dalam menarik pelanggan. Untuk mengejar keuntungan, berbagaimana tindakan dan perlakuan dilakukan, yang mana kadangkala menyentuh perasaan penjaja lain yang berdekatan. Berpunca daripada perkara yang remeh temeh dan tiadanya sikap bertolak asnur, menyebabkan wujud ketegangan atau konflik sesama mereka. Misalnya, merasa irihati jika gerai (penjaja) yang berdekatan dikunjungi oleh ramai pelanggan. Oleh itu, penjaja berkenaan akan melakukan apa sahaja semata-mata untuk bersaing dan menarik pelanggan

perkunjung ke gerainya. Misalnya, penjaja berkenaan turut menjual apa yang dijual oleh penjaja bersebelahan/berdekatan dengan harga yang lebih rendah²².

Sikap dan amalan negatif di kalangan penjaja juga dapat dikesan melalui tindak tanduk mereka semasa menjalankan kegiatan menjaja. Ada di kalangan penjaja menipu pengguna/pelanggan (lihat Berita Minggu bertarikh 27-11-94 dan Berita Harian bertarikh 19-12-97). Penipuan yang lazim dilakukan ialah mengenai harga jualan. Harga yang ditawarkan lebih tinggi berbanding dengan tempat lain. Bagi penjaja makanan yang dimasak, penipuan paling meluas ialah dari segi menetapkan harga. Ini kerana orang ramai yang membeli makanan yang dimasak, khususnya makan di gerai, mereka membuat bayaran setelah selesai makan dan akan membayar mengikut jumlah yang ditetapkan oleh penjaja. Tidak ada tanda harga yang dipamirkan dan jarang sekali proses tawar menawar dilakukan.

Di kalangan penjaja yang menjaja makanan bermasak di gerai, didapati juga mereka menggunakan peralatan yang tidak sesuai dalam kegiatannya. Misalnya, penggunaan tisu tandas untuk mengelap mulut atau tangan (lihat Harian Metro bertarikh 15-7-1995). Walaupun belum ada bukti atau kajian yang dibuat mengenai kesan penggunaan tisu tandas, tetapi mungkin ia tidak baik untuk kesihatan. Tujuan kertas itu dibuat bukannya untuk mengelap mulut atau tangan, jadi mungkin cara pemprosesannya berbeza dengan tisu biasa.

22. Pengalaman pengkaji semasa berkhidmat di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Jika dilihat dari segi kualiti sekalipun, tisu biasa jauh lebih bersih dan cantik daripada tisu tandas. Jadi, sekiranya gerai makan yang menyediakan tisu tandas dikunjungi oleh pelancong asing, sudah tentu mereka kurang selesa dan memberi imej yang tidak baik ke atas penduduk negara ini.

Sikap dan amalan negatif di kalangan penjaja, menyebabkan sesetengah orang tidak suka makan di gerai, dan keadaan ini merugikan para penjaja itu sendiri. Sikap penjaja yang seperti ini adalah semata-mata didorong oleh sifat tamak dan mementingkan keuntungan tanpa memberi pertimbangan wajar kepada tanggungjawab sosial mereka (lihat Lampiran 17). Selain daripada itu, sikap negatif dan tidak bertanggungjawab di kalangan penjaja juga dikesan atas keengganan mereka memperbaharui lesen yang sudah tamat tempoh. Ini terbukti bila mana pemeriksaan harian dibuat oleh DBKL, rata-rata lesen menjaja telah tamat dan tidak diperbaharui. Setelah dikenakan tindakan kompaun/saman barulah mereka tergesa-gesa untuk memperbaharuiinya.

Terdapat juga di kalangan penjaja yang tidak menjaja sendiri di gerai yang diperuntukkan kepadanya. Sebaliknya disewakan gerai berkenaan kepada orang lain dengan harga yang lebih tinggi, bagi mendapat keuntungan mudah. Dalam pada itu, bayaran sewa gerai bulanan kepada DBKL juga gagal dijelaskan setiap bulan menyebabkan mereka menanggung tunggakan sewa. Kegagalan membayar sewa bulanan gerai berlaku di kalangan penjaja gerai berkunci dan

penjaja pasar. Akibat daripada ini, DBKL menanggung tunggakan sewa yang tidak dijelaskan kira-kira RM 1.5 juta setahun²³.

Para penjaja juga dilaporkan gagal membayar balik pinjaman yang dibuat dengan Syarikat Jaminan Kredik (SJK) untuk dijadikan modal penjajaan (lihat Harian Metro, 11-7-95). Kira-kira 11,000 daripada 41,436 penjaja-penjaja yang gagal membayar balik pinjaman bernilai RM20 Juta. Syarikat Jaminan Kredik (SJK) adalah salah sebuah institusi kewangan yang menyediakan kemudahan pinjaman kewangan kepada penjaja di bawah skim Tabung Pinjaman Penjaja dan Perniagaan Kecil (TPPK) yang diperkenalkan pada tahun 1992. Sikap seperti ini menyebabkan institusi-institusi kewangan lebih berhati-hati untuk memberi pinjaman kepada para penjaja.

4.6.4 Isu Mengenai Pasar Malam

Penjaja pasar malam adalah di antara kelompok/kategori penjaja yang terdapat di bandar raya Kuala Lumpur. Dikatakan pasar malam kerana kegiatan menjaja dilakukan secara berkelompok di waktu malam, mulai jam 6.00 petang hingga jam 10.00 malam. Kegiatan pasar malam di Kuala Lumpur bermula semenjak awal tahun 1970-an lagi. Ia diperkenalkan sebagai salah satu saluran pemasaran barang kepada orang ramai, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Orang ramai memberi sambutan yang menggalakan dan

23. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

rata-rata penjaja pasar malam memperolehi pendapatan lumayan. Ini kerana pada ketika itu tidak banyak kemudahan untuk mendapatkan barang, terutamanya bagi kawasan-kawasan kediaman yang baru dibuka.

Pasar malam biasanya dianjur oleh persatuan-persatuan atau pertubuhan masyarakat setempat. Pihak DBKL hanya melesenkan penjaja-penjaja sekiranya kawasan/tapak pasar malam berkenaan sesuai untuk dijadikan tempat menjaja. Rata-rata pasar malam beroperasi di atas jalan raya dan sesetangah jalan terpaksa ditutup dan ini mengganggu sistem lalu lintas. Aktiviti pasar malam yang berhampiran dengan kawasan kediaman juga menimbulkan gangguan bising dan kotor. Mengenai kegiatan pasar malam, Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL menerima banyak aduan awam yang tidak berpuas hati dengan kegiatannya. Terdapat juga pasar malam yang tumbuh secara haram (tanpa lesen) dan ianya sukar untuk diambil tindakan kerana berbagai-bagai pihak mempertahankannya, terutamanya campur tangan daripada tokoh-tokoh politik.

Kebanyakan tempat yang menjadi tapak pasar malam menimbulkan kesesakan lalu lintas. Kesesakan berpunca daripada jalan menjadi sempit atau ditutup dan juga sikap pengunjung yang meletak kereta sesuka hati. Pasar malam juga menjadi isu kerana ianya menjadi tempat warga negara asing menjaja. Mereka menyewa petak daripada rakyat tempatan yang mempunyai lesen. Berlandaskan kepada faktor-faktor seperti yang dibincangkan, maka pihak DBKL kini sedang mengkaji balik kesesuaian pasar malam. Serentak dengan ini, pembukaan pasar malam baru tidak dibenar lagi oleh DBKL. Manakala pasar

malam yang sedia ada akan ditutup jika masalah yang dihadapi tidak ada jalan penyelesaian. Isu mengenai pasar malam sering dilaporkan oleh pihak akhbar dengan bermacam-macam masalah serta pandangan diketengahkan (lihat Lampiran 18). Manakala penjaja-penjaja pasar malam pula tetap berkeras mempertahankan pasar malam dengan berbagai-bagai alasan yang diberikan.

4.6.5 Masalah Modal

Modal adalah salah satu angkubah penting untuk menjalankan perniagaan. Begitu juga untuk menjalankan kegiatan menjaja dan perniagaan kecil, ianya memerlukan modal yang secukupnya, iaitu modal permulaan untuk mendapatkan peralatan asas dan modal untuk operasi harian. Bagi seseorang yang baru hendak memulakan penjajaan, memerlukan modal yang agak banyak dan ianya merupakan masalah utama. Sesetengah penjaja memperolehi modal melalui pinjaman daripada kawan-kawan atau saudara-mara. Manakala untuk meminjam dengan intitusi kewangan memerlukan syarat dan peraturan yang sukar dipenuhi oleh penjaja.

Menyedari permasalahan ini, pihak kerajaan melalui intitusi kewangan menubuhkan tabung khas iaitu Tabung Pinjaman Penjaja dan Perniagaan Kecil. Salah sebuah intitusi kewangan yang agak popular di kalangan penjaja ialah Syarikat Jaminan Kredik (lihat Lampiran 19). Tidak semua penjaja berpeluang mendapat kemudahan pinjaman yang disediakan. Sebagai pilihan, mereka

meminjam daripada "ceti haram"²⁴ yang bersedia untuk memberi pinjaman pada bila-bila masa. Lazimnya, "ceti haram" boleh memberi pinjaman dalam masa singkat dan keadaan memerlukan. Antara lain, tidak ada apa-apa format pinjaman disediakan oleh "ceti haram", kecuali berdasarkan kepercayaan antara satu sama lain. Manakala jadual bayarannya dalam bentuk harian, mingguan atau bulanan dan kadar faedahnya agak tinggi berbanding dengan syarikat kewangan ataupun bank. Sesetengah "ceti haram" bertindak kasar pada mangsanya jika gagal menjelaskan pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan. Walaupun kegiatan mereka salah di sisi undang-undang, tetapi sukar dikesan atau dibanteras kerana ketiadaan bukti kukuh (lihat Lampiran 20).

Masalah modal yang di hadapi di kalangan penjaja menyebabkan mereka tidak dapat memperkembangkan kegiatan mereka. Dengan cara menjaja di tepi jalan, mereka tidak perlu membuat apa-apa bayaran, melainkan bayaran lesen jika mempunyai lesen, itupun bayarannya sangat rendah. Manakala bagi penjaja tanpa lesen mereka terlepas daripada membuat apa-apa bayaran. Akibat ketiadaan modal, ramai yang tidak dapat peluang untuk menjaja di pusat-pusat

24. "Ceti haram juga dikenali sebagai Along di kalangan penjaja. Ia merupakan orang perseorangan atau berkumpulan yang bergiat menyediakan kemudahan pinjaman kewangan pada kadar bayaran balik dan tempoh yang ditetapkan oleh mereka. Kewujudan mereka pula hanya diketahui pihak tertentu, iaitu di kalangan mereka yang pernah membuat pinjaman kewangan, khususnya setelah gagal mendapat pinjaman daripada bank atau syarikat kewangan berlesen.

penjaja yang disediakan oleh pihak swasta kerana bayaran sewa bulanan gerai agak tinggi (di antara RM 500.00 hingga RM 1500.00 sebulan)²⁵. Oleh yang demikian, modal adalah salah satu masalah utama dalam kegiatan menjaja, terutamanya modal permulaan bagi individu yang baru hendak memulakan penjajaan.

4.6.6 Penentangan Penjaja

Berdepan dengan penjaja bukanlah perkara mudah. Lebih-lebih lagi kalau ianya melibatkan pemindahan dan penempatan semula. Payahnya berdepan dengan penjaja sebagaimana payahnya menghadapi masalah persetingganan (lihat Azizah Kassim, 1985). Bagi DBKL, menghadapi kerentak dan ragam penjaja adalah perkara biasa. Selagi boleh berlembut dan dipujuk, pendekatan ini yang sering diamalkan oleh DBKL bila mana berdepan dengan penjaja.

Sebagaimana juga setinggan, sesetengah kelompok penjaja akan menentang setiap program yang akan melibatkan pemindahan mereka. Seboleh-bolehnya, penjaja tidak mahu berpindah dari tapak yang telah mereka gunakan. Ini berlaku terutamanya pada penjaja statik di jalanan. Tindakan pemindahan penjaja daripada sesuatu tapak/lokasi dijalankan oleh DBKL atas alasan-alasan seperti:-

25. Maklumat daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

- a. Kedudukan penjaja tidak sesuai dari segi keindahan bandar.
- b. Tapak penjaja terlibat dengan projek pembangunan seperti jalan, bangunan, perparitan/longkang dan sebagainya.
- c. Kedudukan tapak penjaja menyebabkan gangguan awam atau kesesakan lalulintas.
- d. Penjaja tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti kebersihan, membuat sambungan/membina struktur gerai dan sebagainya.

Keengganan penjaja berpindah sebagaimana yang diarahkan, menyebabkan program yang dirancang tergendala. Ini menyebabkan DBKL bertindak tegas dengan menutup tapak/kawasan berkenaan. Kadang-kadang tindakan ini menimbulkan ketegangan di antara penjaja dengan DBKL. Misalnya cadangan DBKL untuk memindahkan penjaja-penjaja Jalan Petaling pada tahun 1994, tergendala sehingga kini, kerana tidak mendapat kerjasama dan bantahan daripada penjaja²⁶. Contoh lain ialah penentangan di kalangan penjaja di Jalan Chow Kit pada tahun 1997 apabila mereka diarah berpindah ke Jalan Hj. Taib. Ini kerana lokasi yang menjadi tempat mereka menjaja tidak sesuai kerana menimbulkan kesesakan lalu lintas dan gangguan awam. Cadangan DBKL ditentang oleh penjaja sehingga mereka mengadakan piket (lihat Lampiran 21).

26. Maklumat daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 1999.

Pihak persatuan penjaja memainkan peranan penting dalam penentangan di kalangan penjaja. Mereka akan mempengaruhi penjaja agar menentang dan tidak menerima sebarang cadangan yang dikemukakan oleh pihak DBKL. Dalam keadaan ini, campur tangan politik akan berlaku. Penjaja akan menjadikan tokoh-tokoh politik sebagai pembela permasalahan mereka dan akibat campur tangan politik, ada kes-kes di mana pihak DBKL terpaksa mengalah. Di Kuala Lumpur, hubungan di antara penjaja dengan politik agak meluas (lihat Lampiran 22). Ini kerana di antara mereka saling perlu dan memerlukan. Penjaja meminta saluran politik bagi menyelesaikan masalah mereka, manakala tokoh politik pula mengharapkan sokongan politik di kalangan penjaja. Dalam pada itu, pemimpin-pemimpin politik juga merupakan tokoh-tokoh persatuan penjaja, terutama di peringkat cawangan dan bahagian. Oleh itu, politik memainkan peranan penting dalam kegiatan penjajaan di Kuala Lumpur.

4.6.7 Masalah Persatuan

Persatuan adalah salah satu mekanisme untuk masyarakat penjaja bersuara, mengemukakan pendapat dan pandangan yang lebih bermakna. Ini kerana apa yang diputuskan oleh persatuan adalah merupakan keputusan bersama yang harus dipatuhi oleh setiap ahli. Pendapat dan suara individu, lazimnya kurang diberi perhatian. Oleh itu, bagi masyarakat penjaja, persatuan adalah penting dalam membela ahli dan menjaga kebajikan mereka. Di kalangan penjaja di Kuala Lumpur, pesatuan-pesatuan yang ada dan agak aktif ialah:-

- a. Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Melayu Wilayah Persekutuan.
- b. Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputera Wilayah Persekutuan.
- c. Persatuan Penjaja India Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.
- d. Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Cina Kuala Lumpur.

Persatuan-persatuan penjaja seperti yang dinyatakan adalah merupakan persatuan induk, yang mana di bawahnya terdapat pula persatuan-persatuan penjaja setempat mengikut kelompok penjaja. Dilihat pada persatuan yang ada, ianya lebih merupakan kesatuan yang berbentuk perkauman dan pertindihan fungsi di antara satu sama lain. Oleh sebab itu, didapati hubungan sesama persatuan tidak begitu mesra dan di antara satu persatuan dengan yang lain mempunyai asas perjuangan yang berlainan dan di kalangan pemimpin persatuan berkenaan juga didapati tidak persefahaman²⁷. Tidak ada persatuan penjaja yang benar-benar mantap dan benar-benar memperjuangkan nasib penjaja secara menyeluruh dan merangkumi semua kumpulan etnik, yang mungkin boleh dibayangkan sebagai Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

27. Pengalaman pengkaji sebagai pegawai yang pernah berkhidmat di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

I.7 Kegiatan Menjaja Masih Relevan Di Bandar Raya Kuala Lumpur

Struktur ekonomi bandar di Malaysia, khususnya ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, telah banyak berubah maju, dalam tiga dekad kebelakangan ini (lihat Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 1994). Berubah daripada ekonomi tradisional (peringkat pertama) kepada kegiatan ekonomi moden (peringkat kedua dan peringkat ketiga). Perubahan berlaku, hasil daripada dasar-dasar pembangunan negara, yang menekankan kepada pembangunan ekonomi moden melalui perindustrian dan perdagangan. Tujuannya adalah supaya negara ini menjadi negara maju secepat mungkin, sebagaimana negara maju di Barat. Walaupun perubahan ekonomi bandar telah banyak berlaku, namun "dualisme ekonomi bandar" masih lagi wujud. Bagi bandar raya Kuala Lumpur, "dualisme ekonomi" begitu ketara sekali. Konsep ini masih mendasari dalam pembangunan ekonomi bandar raya ini, iaitu ekonomi sektor formal dan ekonomi sektor informal. Kedua-dua sektor ekonomi inilah yang menyumbang kepada "kemakmuran ekonomi" bandar raya Kuala Lumpur.

Kegiatan sektor ekonomi informal yang pada awalnya lebih tertumpu di luar bandar, kini terus berperanan di bandar-bandar negara sedang membangun termasuk Kuala Lumpur. Kegiatan ekonomi sektor informal di Kuala Lumpur dianggarkan melibatkan kira-kira 30 peratus daripada jumlah penduduk bandar raya ini. Dalam 30 peratus ini, dianggarkan lebih kurang 10 peratus pula merupakan penjaja. Sebenarnya, kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur telah lama berlangsung, di mana ianya diusahakan oleh penduduk awal bandar raya ini, iaitu etnik Cina. Apabila komposisi penduduk Kuala Lumpur berubah

nelalui peningkatan etnik Melayu, bilangan penjaja Melayu mula berkembang. Perkembangan penjaja Melayu yang paling ketara sekali ialah pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an, berikutan dengan dasar kerajaan membandarkan orang-orang Melayu di bawah DEB.

Oleh kerana orang-orang Melayu masih digalakkan untuk menetap di Kuala Lumpur, maka kegiatan ekonomi sektor informal seperti menjaja akan terus diusahakan, sama ada oleh orang-orang Melayu yang sudah berada di Kuala Lumpur atau yang akan berhijrah. Ini kerana kegiatan menjaja merupakan peluang pekerjaan untuk mencari pendapatan di bandar. Lebih-lebih lagi kegiatan ini tidak memerlukan syarat kemasukkan yang susah. Dalam pada itu, keadaan sosioekonomi penduduk Kuala Lumpur masih lagi menunjukkan dimensi kemiskinan, maka kegiatan menjaja adalah salah satu usaha, untuk menambah pendapatan golongan berpendapatan rendah dan miskin.

Nampaknya, kegiatan menjaja akan terus wujud untuk masa-masa mendatang, memandangkan usaha-usaha giat sedang dilakukan oleh DBKL untuk membangunkan lagi aktiviti penjajaan melalui penambahan tempat-tempat khas untuk menjaja seperti pasar, gerai dan pusat menjaja serta menerapkan konsep penjajaan moden kepada penjaja yang sedia ada. Ini selaras dengan dasar dan usaha kerajaan, menggalakkan orang-orang Melayu menceburi bidang perniagaan, supaya bidang ini tidak dimonopoli oleh etnik Cina sahaja. Lantaran orang Melayu masih belum ada keupayaan dalam bidang perniagaan, maka mereka digalakkan bermiaga secara kecil-kecilan dahulu seperti menjaja. Asas perniagaan yang dimulakan melalui kegiatan menjaja, adalah diharapkan

agar orang-orang Melayu akan muncul sebagai usahawan ataupun peniaga. Oleh yang demikian, kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur sebagaimana yang ada kini masih relevan dan penting dalam menerapkan semangat bernesiga di kalangan etnik Melayu. Tambahan pula, sambutan menggalakkan yang diberi oleh orang ramai, menjadi daya penarik kepada penjaja untuk terus menjaja. Kelompok-kelompok penjaja yang sedia ada seperti mana yang dibincangkan, tetap akan memainkan peranan dari segi guna tenaga bandar dalam arus pembangunan ekonomi bandar raya Kuala Lumpur.

4.8 Rumusan

Di Kuala Lumpur, kegiatan menjaja telah lama bertapak, iaitu semenjak negara mencapai kemerdekaan lagi. Walau bagaimanapun, bilangan penjaja tumbuh dengan mendadak selepas DEB dilancarkan pada tahun 1971. Ini berikutnya dengan dasar kerajaan untuk memperbandarkan orang Melayu di bawah DEB, menyebabkan penghijrahan orang-orang Melayu secara beramai-ramai dari desa ke Kuala Lumpur. Mereka menjalankan kegiatan menjaja untuk mencari pendapatan di Kuala Lumpur. Ini kerana untuk bekerja di sektor perdagangan dan perindustrian, mereka tidak mempunyai kemahiran atau taraf pelajaran mereka rendah.

Penjaja di Kuala Lumpur terdiri daripada berbagai-bagi kelompok/kategori yang mana mempunyai ciri-ciri penjajaannya yang tersendiri dengan membentuk sub-komuniti bandar raya Kuala Lumpur. Ada di kalangan penjaja yang menjalankan kegiatan menjaja secara sepenuh masa dan ada juga

ang menjalankannya sebagai kerja sambilan, untuk menambah pendapatan keluarga. Bagi mereka yang menjalankan secara sambilan, kebanyakannya berdiri daripada golongan berpendapatan rendah yang bekerja di sektor lain.

Ramai di kalangan penjaja di Kuala Lumpur tidak mematuhi peraturan menjaja yang dietapkan oleh pihak DBKL. Ini dapat dilihat dari segi lokasi menjaja yang tidak sesuai dan menimbulkan gangguan awam. Menjaja di atas jalan adalah mengambil hak pejalan kaki. Selain daripada itu, penjaja juga didapati tidak menjaga kebersihan dan ini menyebabkan punca merebak penyakit berjangkit. Kehadiran penjaja dengan struktur gerai yang tidak sesuai mencacatkan keindahan bandar raya Kuala Lumpur. Oleh itu, sesetengah pihak mengatakan "sakit mata" apabila melihat kelompok penjaja, kerana pemandangannya yang hodoh dan persekitaran yang tidak menarik serta kotor.

Walau apapun, penjaja adalah merupakan sebahagian daripada warga kota Kuala Lumpur. Kegiatan menjaja adalah peluang pekerjaan penduduk mencari pendapatan. Melalui kegiatan ini, setidak-tidaknya masalah kemiskinan bandar dapat dikurangkan dan golongan miskin bandar berusaha sendiri untuk mengatasi kemiskinan mereka, dengan melakukan berbagai-bagai kerja di sektor informal seperti menjaja. Peluang untuk menjalankan kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur yang dibuka oleh pihak berkuasa dapat mengimbangi tekanan terhadap pasaran buruh dan dapat melengkapkan sistem ekonomi bandar, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Majoriti masyarakat penjaja di Kuala Lumpur dimonopoli oleh etnik Cina. Manakala orang-orang Melayu agak baru berbanding dengan etnik Cina.

Cedaaan ini berlaku, kerana etnik Cina merupakan penduduk awal yang menetap di Kuala Lumpur. Apabila begitu, sudah tentu peluang-peluang yang ada untuk menjaja seperti di pasar-pasar, pusat menjaja dan lokasi-lokasi lain yang agak strategik di jalan-jalan, dipenuhi oleh mereka. Apabila menyedari bahawa kegiatan menjaja menghasilkan pendapatan yang lumayan, kemudiannya ia mula menarik minat orang-orang Melayu, terutamanya para migran desa-bandar.

Mengenai penjaja dan kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur ini, adalah mengikut konsep menjaja pihak DBKL selaku pentadbir bandar raya ini. Agensi ini menetapkan berbagai-bagai peraturan, yang terpaksa dipatuhi oleh penjaja dan orang yang baruhendak memulakan kegiatan menjaja. Tujuan peraturan diadakan, adalah supaya kegiatan menjaja tidak menimbulkan kacau ganggu dan masalah kepada komuniti bandar yang lain. Peraturan yang paling utama sekali dalam mengawal kegiatan menjaja adalah melalui konsep perlesenan. Mereka yang memiliki "lesen menjaja" yang dikeluarkan oleh DBKL dibenarkan menjaja di Kuala Lumpur. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, ramai di kalangan penjaja yang mempunyai lesen menjaja tetapi tidak mematuhi peraturan perlesenan yang ditetapkan. Manakala, sebahagian yang lain pula, menjaja tanpa lesen. Walaupun tidak mempunyai lesen, mereka tetap menjaja, terutamanya di pinggir bandar. Kadang-kadang terdapat penjaja yang bertahun-tahun menjaja tanpa lesen dan tidak pula diambil tindakan tegas oleh DBKL. Barang kali pihak DBKL sendiri menghadapi berbagai masalah untuk mengawal atau mengesan penjaja tanpa lesen yang diistilahkan sebagai "penjaja haram", terutamanya dari segi teknikal. Sama ada berlesen ataupun tidak, realiti

jenaja dan penjajaan di Kuala Lumpur adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam bab ini. Mereka merupakan pekerja persendirian secara kecil-kecilan dan ciri-cirinya merupakan kegiatan ekonomi sektor informal bandar dalam kategori "sektor informal kuasi" dan masih relevan untuk terus berlangsung di bandar raya Kuala Lumpur.